



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

---

**Jilid I**

**Bil. 39**

**Hari Khamis**

**17hb Disember, 1987**

---

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAR MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**(Ruangan 1)**

**RANG UNDANG-URDANG:**

**Rang Undang-undang Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan)**

**(Ruangan 38)**



**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Khamis, 17hb Disember, 1987**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**INTEGRASI RAKYAT SABAH/SARAWAK DENGAN SEMENANJUNG**

**1. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bagi menggalakkan penduduk Semenanjung melawat Sabah dan Sarawak:

- (a) tidakkah boleh Kerajaan mengurangkan tambang kapalterbang ke Sabah dan Sarawak kepada yang lebih munasabah, kerana tambang yang ada sekarang adalah tinggi; dan
- (b) sekiranya syarikat penerbangan tempatan keberatan menurunkan tambangnya, tidakkah boleh Kerajaan membuka peluang kepada syarikat penerbangan yang lain yang berminat menjalankan operasi tersebut.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti**

**Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mempereratkan integrasi rakyat dari negeri Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung serta untuk menggalakkan industri pelancongan negara, Kementerian Pengangkutan dan MAS sentiasa memberi perhatian kepada tambang-tambang perkhidmatan MAS termasuk tambang-tambang di antara Semenanjung dan Sabah/Sarawak untuk menentukan tambang-tambang itu diadakan pada paras yang

berpatutan dan mampu untuk digunakan oleh orang ramai termasuk pelancong-pelancong asing. Selaras dengan hasrat ini, MAS telah pun mengadakan berbagai jenis tambang ini memberi potongan diskaun sehingga lima puluh peratus berbanding dengan tambang-tambang biasa. Adalah didapati bahawa tambang-tambang khas ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai.

- (b) Sukalah saya memaklumkan bahawa memang menjadi matlamat MAS bagi memainkan peranan penting dalam usaha-usaha Kerajaan untuk memupuk integrasi nasional serta menggalakkan industri pelancongan negara. Selain daripada itu, berasaskan kepada apa yang saya menyatakan tadi, adalah jelas bahawa syarikat penerbangan tempatan terutamanya MAS sememangnya tidak keberatan memberi kemudahan tambang-tambang murah. Memandangkan itu, Kerajaan pada masa sekarang tidak mempunyai rancangan untuk membenarkan syarikat penerbangan lain untuk menjalankan operasi domestik di Malaysia termasuk di antara Semenanjung dan Sabah/Sarawak.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, adakah cadangan MAS untuk memberi tambang 50% diskaun kepada Ahli-ahli Dewan Negara supaya meraudahkan kami kadangkala melawat Sabah dan Sarawak secara tak rasmi. Jadi, dapatlah kita tahu bagaimana

keadaan di sana supaya dapat kita jadikan bahan dalam ucapan-ucapan dalam Parlimen. Macam mana KTM boleh memberi tambang percuma kepada kami, kenapa tidak MAS?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Ahli-ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara dan sesiapa sahaja boleh menggunakan tambang 'inclusive tour' iaitu kumpulan 'tour group' dan juga tambang yang di mana minima tiga hari tinggal sama ada di Semenanjung ataupun Sarawak dan Sabah dua hala boleh menggunakan kemudahan-kemudahan itu.

#### PEGAWAI WANITA DI PUSAT PEMULIHAN DADAH

**2. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Pusat Pemulihan Dadah Khas untuk wanita di Kemumin, Kelantan akan mengambil pegawai-pegawai wanita sahaja untuk bertugas di sana dan adakah Kerajaan bercadang untuk mendirikan lagi pusat pemulihan wanita ini di tempat-tempat lain.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri akan mengambil hanya pegawai-pegawai wanita untuk bertugas di Pusat Pemulihan Dadah (Wanita) Kemumin, kecuali seorang dua laki-laki sebagai Pemandu dan Pengawal Keselamatan yang dianggap perlu.

Buat masa ini tiada sebarang cadangan untuk mendirikan lagi pusat pemulihan wanita. Walau bagaimanapun, jika keadaan memerlukan, tambahan pusat pemulihan dadah wanita akan dipertimbangkan.

#### PENDIDIKAN VOKASIONAL DAN TEKNIKAL

**3. Dato Dr. K.S. Nijhar** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diarahkan untuk memajukan pendidikan vokasional dan teknikal bertujuan mengurangkan pengangguran di kalangan murid-murid yang sudahpun menamatkan persekolahan mereka.

**Timbalan Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Sistem Baru Pendidikan Vokasional untuk Sekolah-

sekolah Menengah Vokasional pada tahun 1987, Kurikulum Baru telah diperluaskan dan disesuaikan dengan perkembangan teknologi keperluan industri dan pekerjaan semasa supaya dapat menyediakan pelajar-pelajar dalam lebih dari satu bidang pekerjaan. Tujuan ini adalah untuk memperbaiki lagi peluang untuk mereka mendapat pekerjaan.

Kementerian Pendidikan juga telah dan sedang merancangkan memperkenalkan unsur-unsur keusahawanan untuk membolehkan pelajar-pelajar berdikari dan tidak semata-mata bergantung kepada pekerjaan makan gaji.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari keterangan-keterangan yang telahpun dijelaskan oleh Kementerian yang berkenaan, tidakkah Kementerian yang berkenaan bercadang untuk memberikan pendidikan awal bagi vokasional di Tingkatan I. Sebagaimana yang kita maklum bahawa murid-murid yang akan lulus daripada KBSR yang telah dapat diukur kematapan akal mereka kalau kita letakkan dalam Tingkatan I hingga Tingkatan III sebagaimana yang diamalkan sekarang tidak pun sampai kepada tahap yang dikehendaki. Apa salahnya kalau vokasional itu diberikan didikan awal dalam Tingkatan I? Adakah Kementerian akan bercadang berbuat demikian?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian belum ada cadangan seperti itu, tetapi daripada peringkat awal pendidikan sampai peringkat Tingkatan 3 adalah untuk pembentukan pendidikan asas kepada kanak-kanak kita dan di mana tujuan kita dalam pendidikan vokasional ini adalah juga menyediakan kemahiran dan persediaan untuk bekerja dalam bidang-bidang yang tertentu yang saya sebutkan tadi, bidang teknologi dan keperluan industri kita.

**Puan Lau Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah peluang-peluang pekerjaan bagi para lepasan vokasional dan teknikal setakat ini?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis untuk soalan ini.

#### MAJIKAN DIDENDA ATAS TIDAK MEMATUHI UNDANG-UNDANG BURUH

4. **Tuan M. Sangralingam** minta Menteri Buruh menyatakan berapakah jumlah majikan yang telah didenda kerana tidak mematuhi undang-undang Buruh sepanjang tahun 1986 dan 1987 dan berapakah jenis kursus-kursus yang ditawarkan kepada pelatih-pelatih.

**Timbalan Menteri Buruh [Tuan Kalakau Untol]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah majikan yang telah didenda kerana tidak mematuhi peruntukan Undang-undang Buruh yang dikuatkuasakan di bawah Kementerian Buruh ialah sebanyak 353 majikan bagi tahun 1986 dan 140 majikan bagi tahun 1987.

Berhubung dengan bahagian kedua soalan itu saya tidak menjawabnya kerana telah menjawab dan menjelaskannya di Dewan ini kelmarin.

## RANCANGAN FELDA DI SARAWAK

5. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sehingga sekarang berapa jumlah semua tanah rancangan FELDA yang telah dibuka di Sarawak, berapakah jumlah yang telah dibelanjakan untuk rancangan ini. Berapakah jumlah peneroka dapat ditampung di rancangan ini. Dan berapa jumlah tanah yang akan dibuka di Sarawak dalam RML.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir):** Tuan Yang di-Pertua, ada 4 soalan dalam soalan **ini**. Yang pertama ialah, sehingga sekarang ini sebuah rancangan seluas 660 hektar telah dimajukan di negeri Sarawak dengan tanaman sawit di bawah program 1986/1987 yang dikenali sebagai Sempadi Satu.

Yang kedua, rancangan ini dirancangkan untuk menampung 150 orang peneroka. Yang ketiga, sebanyak \$511,000 telah dibelanjakan setakat ini dan, keempat, untuk Rancangan Malaysia Kelima, 5,766 hektar dirancang untuk dimajukan di Sarawak.

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd, Said:** Memandangkan tanah di Sarawak begitu luas untuk dibuka oleh FELDA, tidakkah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah hendak mengambil peneroka dari Semenanjung Tanah Melayu ini dibawa ke Sarawak, pertamanya untuk memenuhi permintaan peneroka-peneroka di Semenanjung dan keduanya untuk memupuk perpaduan, muhibah dan integrasi nasional.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Terima kasih kepada cadangan **itu**. Walaupun cadangan itu baik, tetapi setakat ini belum dilaksanakan lagi. Walau bagaimanapun yang dilakukan di Semenanjung sekarang ini telah menunjukkan kita memadai menampung pemohon-pemohon yang hendak menyertai rancangan-rancangan FELDA, tetapi apabila berlaku perkembangan satu hari nanti dan sekiranya didapati perlu tentu sekali cadangan itu akan diberi kajian yang sewajarnya.

**PLAZA TOL DI LEBUHRAYA**

**6. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pondok-pondok kutipan tol dari jalan Lebuhraya Bukit Kayu Hitam, Kedah hingga ke Lebuhraya Ayer Keruh, Melaka;
- (b) berapa ringgitkah jumlah bayaran tol mesti dibayar perjalanan mengikut Lebuhraya dari Bukit Kayu Hitam, Kedah hingga ke Lebuhraya Ayer Keruh Melaka, dan
- (c) bilakah projek Lebuhraya dari Ipoh ke Kuala Lumpur: akan dimulakan dan pada tahun berapa dijangka siap projek tersebut serta nyatakan kosnya di atas pelaksanaan projek tersebut.

**Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada -

- (a) pada masa sekarang ada terdapat sebanyak 18 plaza-plaza tol dengan sebanyak 120 pondok-pondok kutipan tol dari Lebuhraya Bukit Kayu Hitam, Kedah hingga ke Lebuhraya Ayer Keruh, Melaka, tidak termasuk Jambatan Pulau Pinang dan Lebuhraya Kuala Lumpur ke Karak, Pahang;
- (b) jumlah bayaran tol yang dikenakan sekarang bagi perjalanan mengikut Lebuhraya dari Bukit Kayu Hitam, Kedah hingga ke Lebuhraya Kuala Lumpur - Ayer Keruh, Melaka mengikut kelas-kelas kenderaan berkaitan ialah;  
Kelas 1, kenderaan yang mempunyai 2 gandar dengan 3 atau 4 roda, sebanyak \$11.20.  
Kelas 2, kenderaan yang mempunyai 2 gandar dengan 5 atau 6 roda, sebanyak \$20.20.  
Kelas 3, kenderaan yang mempunyai 3 gandar, . sebanyak \$28.20.  
Kelas 4, kenderaan yang digunakan sebagai teksi, sebanyak \$12.10.  
Kelas 5, kenderaan yang dikelaskan sebagai bas, sebanyak \$18.20.

- (c) Kerajaan belum membuat keputusan mengenai pembinaan projek Lebuhraya dari Ipoh ke Kuala Lumpur oleh kerana projek ini adalah termasuk dalam rancangan penswastaaan Lebuhraya Utara-Selatan. Oleh yang demikian, kos projek tersebut belum dapat ditentukan lagi.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan bagaimanakah penetapan harga cukai kepada kenderaan yang disebutkan tadi ditentukan? Yang kedua, tidakkah pihak Kementerian bercadang untuk mengurangkan sedikit bayaran tol ini oleh kerana masalah perekonomian yang merosot yang juga dirasai dan dihadapi oleh tuan-tuan punya kenderaan, jenis-jenis kenderaan yang disebutkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan sebentar tadi?

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang saya jelaskan tadi, kita berasaskan kepada kelas-kelas kenderaan yang telahpun saya terangkan sebentar tadi dan juga adalah mengikut kilometer dan pembayaran ini dibuat memang mengikut jarak jauh dan juga kelas kenderaan. Bagai manapun syor yang telah dicadangkan oleh pihak Yang Berhormat itu memohon supaya pihak Kerajaan membuat satu pemilihan yang lebih baik daripada ini. Setakat ini pihak Kerajaan belum lagi membuat keputusan yang lain daripada ini, sampai satu ketika nanti mungkin pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia boleh membuat penelitian yang lebih mendalam lagi dan dapat membuat keputusan yang selain daripada keputusan yang diadakan sekarang ini.

**Tuan G. Rajoo:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bilakah kutipan tol di Slim River akan tamat?

**Tuan Luhut Wan:** Saya kurang jelas tadi., yang mana tol yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu.

**Tuan G. Rajoo:** Kutipan tol di Slim River, di antara Slim River-Tanjung Malim.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya mengetahui pihak Kerajaan belum ada, cadangan untuk menamatkan kutipan tol di tempat yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

**Puan Mazidah Haji Zakaria:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Saya ingin tahun pendapat dari Kementerian mengenai pembayaran tol ini. Seperti yang kita sedia maklura terlalu banyak sangat rungutan-rungutan daripada orang ramai tentang perasaan-perasaan yang mereka ini dibebankan dengan bayaran-bayaran tol ini dan kita lihat daripada perangkaan bayaran yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian mempunyai langkah-langkah untuk, dengan izin, meng-'counter' rungutan-rungutan ini, umpamanya dengan memberi penjelasan kepada umum. walaupun mereka ini membayar tol yang banyak dan sebagainya, tetapi dari segi keuntungan, pengguna tol-tol itu diterangkan dengan cara yang lebih jelas lagi, seperti penjimatan masa, penjimatan minyak, keselesaan jalan dan sebagainya, kerana ini saya rasa tidak diterangkan. Jadi, adakah langkah Kementerian untuk menerangkan ini supaya kurang sedikit rungutan?

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, kami di dalam Kementerian Kerjaraya, lebih-lebih lagi Menteri dan Timbalan Menteri, saya sendiri pun sangat malu jugalah, kerana sungutan orang ramai ini. Saya sendiri sampai segan menyatakan bahawa saya adalah seorang Timbalan Menteri Kerjaraya, kerana kita tahu bila kita sebut - oh, itu Menteri tol. Tetapi sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat mencari cara lain untuk mengurangkan kutipan tol ini, tetapi saya fikir tidak begitu adil dan tidak seimbang kepada rakyat Malaysia yang tidak menggunakan lebuhraya.

Kita boleh meningkatkan lagi pembayaran Road Tax, kita boleh meningkatkan lagi pembayaran kepada minyak petrol dan sebagainya, tetapi tidak adil kepada petani, nelayan dan orang yang jauh di pedalaman. negara kita, oleh kerana mereka tidak menjejak kaki atau menunggang basikal, menaiki bas ataupun memandu kereta di atas Lebuhraya ini, Bagaimanakah kita mahu mengenakan tanggungan yang begini. berat kepada masyarakat ataupun rakyat di luar bandar, bahkan orang yang menggunakan Lebuhraya ini juga yang harus dikenakan pembayaran tol ini. Kita tidak paksa sesiapa yang menggunakan Lebuhraya kerana selain dari Lebuhraya, jalanraya lama pun ada, jadi dia boleh membuat pemilihan, dia mahu ikut Lebuhraya atau dia harus bayar tol, kalau dia mengelakkan pembayaran tol, dia mesti ikut jalan yang sudah ada iaitu jalan lama. Saya ingat itu sahaja caranya.

Pada masa ini belum lagi kita membuat kajian yang lain daripada yang saya sebutkan tadi. untuk mengelakkan rungutan-rungutan masyarakat ataupun rakyat terhadap pembayaran tol ini,

**Puan Mazidah Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sedikit lagi.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sedikit sahaja.

**Puan Mazidah Haji Zakaria:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri kita tadi kurang faham dengan soalan saya. Sebenarnya, saya cuba membantu Kementerian ia-itu maksud saya ialah daripada rungutan itu, sekurang-kurangnya pihak Kementerian dapat melakukan pembalasan balik, iaitu walaupun

kita membayar tol, tetapi kita jimat petrol, kita jimat masa, jadi kempen tentang ini, ini yang saya maksudkan, bukan maksud saya cari jalan lain untuk bayar tol itu sahaja, publisiti tentang penggunaan itu dan keselesaan yang diberikan kepada pengguna umpamanya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat,

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah oleh kerana pihak Yang Berhormat tadi cuba membantu Kementerian. Tetapi kalau kita Barisan Nasional semua di Malaysia tidak apa, bagaimana kita membuat penjelasan dan keterangan sekalipun, oleh kerana kita ini banyak political parties, tentu sekali dia menggunakan isu ini untuk kepentingan politik juga, ini yang susah.

Saya harap pihak semua Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi jangan keberatan memberi penerangan dan penjelasan kepada pihak rakyat jelata supaya mereka sedar bahawa Lebuhraya ini adalah baik untuk kegunaan rakyat di negara ini.

#### UJIAN KENCING

7. **Tuan G, Gajoo** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang menjalankan ujian kencing (urine test) ke atas banduan dan warder "periodically" untuk mengesan najis dadah memandangkan tuduhan kononnya banduan dan warder bebas menggunakan dadah di penjara negara ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjawab pendek sahaja [Ketawa].

Untuk makluman Yang Berhormat, soalan ini telah saya jawab bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat Senator Tuan Koh Im Pin pada 15.12.1987 di Dewan yang mulia ini dan saya tidaklah bercadang untuk membuat apa-apa tambahan mengenainya.

## LANDASAN KERETAPI - PEMBINAAN

8. **Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bolehkah Kerajaan mempertimbangkan pembinaan landasan keretapi antara Gua Musang dan Sungai Siput, antara Raub dan Kuala Kubu dan antara Kudat dan Kuching.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha biati Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan inipun pendek juga jawapannya **[Ketawa]**.

Pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai sebarang rancangan untuk membina landasan rel di antara sektor-sektor yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat itu,

**Tuan Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tahu apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menyekat orang ramai di desa-desa menggunakan landasan keretapi sebagai tempat lalu-lalang,

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain. Sebenarnya, tidak ada kaitan dengan soal-soal yang dikemukakan ini.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Apakah langkah-langkah ataupun tindakan-cindakan yang akan diambil oleh Kementerian Pengangkutan untuk mencegah ataupun mengelakkan berlaku lagi trajidi yang baru-baru ini berlaku di Sungei Siput di mana tiga orang murid telah menemui kemalangan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain.

**CUKAI KERETA KE NEGARA ASING**

9. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kenapakah kereta-kereta kita yang masuk ke negara lain dikenakan bayaran cukai kereta; sedangkan kereta-kereta mereka masuk ke Negara kita tidak dikenakan apa-apa bayaran.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, semua kenderaan persendirian yang masuk ke Malaysia dari negara asing yang menandatangani 'Paris Convention 1926' dan menandatangani 'Geneva Convention 1946" adalah diberi Permit Peredaran Antarabangsa (Internati.onal Circulation Permit) (ICP). Permit ini dikeluarkan dengan percuma dan membenarkan kenderaan negara asing berkenaan untuk lawatan sementara dengan izi.n, temporary stay bagi tempoh 30 hari. Bagi kenderaan persendirian dari negara-negara lain (non convention parties) iaitu negara-negara yang tidak menandatangani dua-dua convention yang saya sebutkan tadi itu, mereka boleh diberi 'visitors licence' dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan untuk tempoh 90 hari dan dikenakan bayaran \$7.50 sebulan. Kenderaan berkenaan hendaklah dibawa keluar dari Malaysia selepas tempoh 90 hari itu ataupun didaftarkan di negara ini di bawah Ordinan Lalulintas Jalan 1958 sekiranya hendak tinggal terus di Malaysia ataupun untuk tambah tempoh lagi.

Keistimewaan adalah diberikan kepada kenderaan persendirian dari Singapura masuk ke Malaysia secara bebas tanpa pas dengan tujuan untuk menggalakkan pelancongan. Amalan baru ini dimulakan pada 1 Mei 1986 dan menggantikan amalan lama yang memerlukan pengeluaran pas masuk dengan percuma untuk tempoh 3 bulan dan dengan bayaran \$10.00 sebulan selepas tempoh. tersebut.. Dasar Kerajaan ini telahpun membawa kesan yang baik kerana jumlah pelancong Singapura ke Malaysia telah tneningkat selepas peraturan pas tersebut dihapuskan.

Berdasarkan persetujuan dua hala pengecualian dari permit ICP yang telah saya sebut tadi telah juga diberi kepada kenderaan persendirian dari negara Thailand dan Brunei yang memasuki Malaysia. Bagi kenderaan persendirian dari Indonesia dan Philippines ICP masih dikeluarkan.

Bagi kenderaan perdagangan dari Singapura, Thailand dan Brunei pula, kemasukannya adalah dikawal demi menjaga kepentingan pengusaha-pengusaha pengangkutan tempatan. Permit dari Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan (LPPJ) diperlukan sebelum kenderaan perdagangan dari negara asing termasuk Singapura, Thailand, Brunei, Indonesia dan Philippines boleh dibenarkan masuk Malaysia.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan sama ada Timbalan Menteri Pengangkutan sedar atau tidak, kalau kita membebaskan kereta persendirian dari Singapura masuk ke Malaysia dengan mengharapkan supaya ramai lagi pelancong datang ke Malaysia, dari Singapura terutamanya tidak dikenakan apa-apa bayaran sama ada Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa ramai di antara rakyat kita yang berada di Singapura yang membawa keretanya sendiri telah diambil tindakan oleh Kerajaan Singapura dengan mendenda mereka itu dengan denda yang begitu tinggi sampai \$1,000 atau \$2,000. Jadi kalau sekiranya tanpa pengetahuan Yang Berhormat perkara ini saya harap Yang Berhormat tolong siasat perkara ini.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Petua, walaupun kereta-kereta rakyat kita masuk ke sana kena denda, kalau kereta dari Singapura masuk ke Malaysia dia melanggar peraturan lalulintas jalan pun kena denda juga, Jadi itu bergantung kepada

kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh kenderaan-kenderaan yang didenda itu.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan bercakap maaalah melakukan kesalahan, kerana saya baru balik dari Singapura, ada dua orang rakyat Malaysia mengadu dengan saya, dia 'parking' sahaja kereta terus Polis datang sman. "Apa salah?", dia tanya. "Awak bawa kereta dalam Singapura sekian lama," itu jawapannya. Pergi bicara tidak ada soalan terus kena bayar fine. Itu sebab saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi supaya menyiasat perkara ini saraa ada benar atau tidak. Kalau benar perkara ini, jika Kerajaan Singapura boleh mencari wang daripada rakyat Malaysia, kenapa kita tidak boleh buat terhadap rakyat Singapura.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata tadi itu peraturan-peraturan yang ada di negara Singapura. Kita juga mempunyai peraturan-peraturan pengangkutan jalan di negara kita. Jadi, kalau ada perkara ini dilaporkan sebelum ini belum pernah saya dengar cerita seperti **ini**. Bolehlah saya minta Jabatan Pengangkutan Jalan membuat kajian meneliti kesalahan-kesalahan itu, tetapi rasa saya kalau di Singapura diletakkan kereta tempat parking dengan tidak bayar parking atau tidak beli kad, itu memang salahlah, itu peraturan mereka.

#### IMBANGAN PERDAGANGAN MALAYSIA-PAKISTAN

10. **Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk meningkatkan urus-dagang di Pakistan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki ketidak-seimbangan dagangan dengan Pakistan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian [Tuan M.G. Pandithan]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada perangkaan perdagangan, imbalan perdagangan di antara Malaysia dengan Pakistan adalah sentiasa menguntungkan Malaysia. Pada tahun 1986 Malaysia memperolehi lebih dagangan sebanyak \$484.4 juta. Dalam enam bulan pertama tahun 1987 lebih dagangan bernilai sebanyak \$188.1 juta yang juga menguntungkan Malaysia. Kerajaan memang sedar akan kedudukan lebih imbalan perdagangan Malaysia dengan Pakistan yang sentiasa menguntungkan Malaysia. Walau

bagaimanapun, usaha-usaha sedang dan akan dibuat untuk memperbaiki kedudukanimbangan ini. Antara langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan urus-dagang dan memperbaiki ketidak-imbangan dagangan dengan Pakistan ialah:-

- (i) menggalakkan perdagangan duahala. Untuk tujuan ini Kerajaan Malaysia dan Pakistan telah menubuhkan Suruhanjaya Bersama Malaysia-Pakistan yang diperuntukkan di bawah Perjanjian Kerjasama Ekonomik dan Teknikal yang telah ditandatangani pada 19hb November, 1982. Di samping itu satu Perjanjian Perdagangan di antara Malaysia dan Pakistan irelah ditandatangani pada 5hb November, 1987. Perjanjian ini bertujuan untuk memperkukuhkan dan mengembangkan hubungan perdagangan demi kebaikan kedua-dua negara;
- (ii) menggalakkan Dewan-dewan Perniagaan Kebangsaan Malaysia dan Pakistan menubuhkan 'Joint Chambers of Commerce Commictee' supaya mempertingkatkan hubungan perdagangan kedua-dua negara;
- (iii) Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dari masa ke semasa, memaklumkan kepada sektor swasta Malaysia tentang potensi perdagangan dengan Pakistan;

- (iv) menghantar satu rombongan perdagangan pada awal tahun 1988 ke Pakistan untuk mengenal-pasti barangan Pakistan yang boleh diimport oleh Malaysia; dan
- (v) di samping usaha-usaha Kerajaan Malaysia ini, pihak Pakistan perlulah memperlibatkan lagi usahanya untuk menggalakkan eksport barangan negara tersebut ke Malaysia.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian beritahu Dewan yang mulia ini berikan sebab mengapa dan kenapa Pakistan membeli melebihi minyak kelapa sawit dari negara Indonesia berbanding dengan negara kita. Saya difahamkan negara Pakistan pada masa dahulu beli banyak minyak kelapa sawit dari negara kita.

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, Pakistan masih lagi membeli kelapa sawit dari Malaysia kita. Pada bulan Januari hingga Jun 1987, Pakistan membeli sejumlah \$163 juta kelapa sawit. 1985 - \$250 juta dan 1986 - \$423 juta. Ini membuktikan pembelian kelapa sawit meningkat.

#### SEKOLAH BERASRAMA PENUH - TAWARAN

11. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Pendidikan menyatakan dalam peperiksaan penilaian untuk sekolah-sekolah rendah, calon-calon yang memperoleh 3 atau lebih pangkat A dalam mata pelajaran-mata pelajaran mereka adalah ditawarkan sekolah-sekolah berasrama penuh. Nyatakan sama ada mata pelajaran-mata pelajaran tersebut termasuk juga bahasa Tamil.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pemilihan masuk ke sekolah berasrama penuh memang mengambil kira keputusan 5A dalam Peperiksaan penilaian Darjah 5 dan 3A dalam ujian penilaian sekolah rendah. Mata pelajaran Bahasa

Tamil tidak diambil kira dalam pemilihan masuk ke sekolah-sekolah berasrama penuh.

#### SEKOLAH AKADEMI SENI

12. **Tuao Ng Peng Hay** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan bahawa Negeri Melaka sedang merancangkan sebuah sekolah Akademi Seni untuk meningkatkan kemahiran seniman dan seniwati tempatan dan adakah Kementerian berkenaan akan memberi peruntukan ion bantuan untuk rnenjayakan projek tersebut.

#### Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan

[**Tuan Abdul Rahman bin Suliman**]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Melaka sebenarnya menawarkan sebidang tanah bagi maksud membina Akademi Seni negara bukan merancangkan sebuah sekolah akademi seni, perkara ini telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat: Ketua Menteri Melaka sewaktu merasmikan Pameran Filem sempena Pesta Filem Malaysia Kc-7 baru-baru ini. Kerajaan Persekutuan memang dalam rancangan asai bercadang untuk menubuhkan akademi seni negara tetapi telah menangguhkan perkara ini oleh kerana kedudukan ekonomi sejak beberapa tahun lalu.

Tawaran ini telah disebut oleh Kerajaan Negeri Melaka kepada FINAS dalam Majlis tersebut bagi dikaji kerana rancangan akademi yang asal meliputi berbagai bidang seni sedangkan Akademi Seni yang dimaksudkan oleh PINAS mungkin meiiptu bidang perfileman sahaja. Kementerian ini mengambil perhatian terhadap cadangan ini.

#### PENCEMARAN ATR/UDARA/BUNYI

13. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alara Sekitar menyatakan bagaimanakah keadaan pencemaran air, udara dan bunyi di negara ini pada masa sekarang. Adakah usaha-usaha memperbaiki keadaan tersebut telah diusahakan dan nyatakan kejayaan-kejayaannya. Berapakah perbelanjaan Kementerian yang telah digunakan bagi menjamin mutu alam sekitar yang baik di negara ini.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Law Hieng Ding]:** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya keadaan pencemaran pada masa sekarang adalah terkawal. Namun demikian, keadaan pencemaran di kawasan-kawasan tertentu masih didapati melebihi had yang ditetapkan dan tindakan selanjutnya sedang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar. Misalnya berhubung dengan pencemaran udara paras habuk terampai yang melebihi standard-standard yang ditetapkan didapati di kawasan-kawasan tertentu di mana berlakunya aktiviti seperti pembinaan bangunan, jalan raya, kerja-kerja tanah, kemajuan perumahan dan sebagainya.

Paras pelamban di udara didapati memuaskan di bandar-bandar yang diawasi iaitu George Town, Shah Alam dan Melaka. Akan tetapi paras pelamban didapati melebihi standard di kawasan-kawasan tertentu di Kuala Lumpur. Namun demikian paras pelamban di udara pada keseluruhannya sedang turun dan keadaan ini disebabkan pengurangan paras kandungan pelamban di dalam minyak petrol dari 0.84 miligram seliter ke 0.4 miligram seliter pada 1hb Januari, 1986.

Berhubung dengan pencemaran air keadaan pada keseluruhannya didapati bertambah baik. Berdasarkan tata kualiti air yang dianalisa bagi tahun 1985 dan 1986. Pada tahun 1985 daripada 35 batang sungai yang diawasi adalah didapati bahawa 26 batang sungai tidak melebihi had pencemaran oleh bahan-bahan organik.

Manakala 25 batang sungai tidak melebihi had pencemaran yang mungkin berasal dari buangan tumpahan dan ternakan. Kesemua 35 batang sungai yang diawasi didapati mengandungi pepejal terampai

yang melebihi standard-standard tertentu. Pada tahun 1986, 5 batang sungai telah pun bertambah baik lagi dari segi pencemaran organik.

Manakala keadaan kualiti dari segi parameter-parameter lain tidak begitu berubah. Keadaan pencemaran bunyi bising merupakan masalah hanya di beberapa kawasan yang berhampiran dengan punca-punca tertentu. Peraturan-peraturan kawalan bunyi bising kenderaan bermotor akan dikuatkuasakan pada 1hb Januari, 1988.

Di samping itu punca-punca bunyi bising yang lain buat sementara waktu sedang digawa melalui kuasa tertentu di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Selain daripada usaha-usaha tersebut Jabatan Alam Sekitar juga menjalankan aktiviti pengkuatkuasaan melalui programi rawatsiasat dan pelaksanaan peraturan-peraturan kualiti alam sekeliling. Garispanduan seperti pengacunan industri kawalan hakisan tanah dan urusan tapak sampah sarap juga disediakan untuk panduan. dan pelaksana pihak Kerajaan Tempatan.

Habungan dan kerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri pun juga ditingkatkan melalui penubuhan Jawatankuasa Penyelaras Hal Alam Sekitar di Peringkat Negeri. Tambahan lagi sejak 1984 lagi kempen kesedaran dan pendidikan alam sekitar dan kurikulum sekolah mengenai alam sekitar telahpun dilancarkan. Semua usaha ini telah membawa hasil seperti terbukti dari kualiti alam sekeliling yang semakin bertambah baik dan terkawal. Juga kesedaran alam sekitar yang semakin meningkat di kalangan pentadbiran pengurusan projek, murid sekolah dan orang ramai.

Berkenaan dengan perbelanjaan bagi program menjamin kualiti alam sekitar bagi tahun ini jumlah yang diperuntukkan ialah sebanyak \$8,854,500 untuk perbelanjaan mengurus. Bagi perbelanjaan pembangunan pula sebanyak \$3,390,000 adalah untuk pembelian dan selenggaraan alat kelengkapan, penubuhan pejabat cawangan dan projek-projek penyelidikan seperti kajian bakteria dan kualiti air dan kajian sistem pengolahan untuk industri-industri kecil.

**Puan Mazidah Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan tambahan saya ialah berkaitan dengan pencemaran air. Bila kita menyebutkan tentang pencemaran air yang terlintas hanya pencemaran

air sungai. Jadi, soalan saya ialah bagaimana dengan pencemaran air laut, adakah ini juga mengancam alam sekitar kita dan adakah kawasan-kawasan perairan kita yang mengandungi hidupan-hidupan laut seperti coral reef kita yang tetrancarn dan jika ada, di mana kawasan-kawasan ini.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ada di seluruh pantai yang mengelilingi negara kita.

**Tuan Ng Peng Hong:** Tuan Yang di-Pertua, adakah kilang-kilang yang dibina ataupun ditubuhkan oleh pihak Kerajaan dikecualikan daripada sekatan peraturan Akta Pencemaran Alam Sekitar. Saya sebutkan demikian kerana ada sebuah kilang memproses getah yang dibina oleh pihak MARDI di negeri Melaka selama ini telah mencemarkan Sungai Melaka dan mencemarkan udara. Kenapa tidak tindakan diambil oleh Kementerian yang berkenaan.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuari Yang di-Pertua, mengikut peraturan Akta Kualitt Alam Sekeliling, memang ada kilang-kilang yang telah ditubuhkan sebelum Akta itu dikuatkuasakan. Ia kemungkinan ada menghadapi beberapa masalah seperti tidak cukup tempat untuk memasang alat-alat itu dan sebagainya dan juga mungkin kilang-kilang yang terlalu kecil. Jikalau ini disiasat, ia betul-betul benar, pertimbangan yang sewajar akan diberi melalui lesen pelantikan, mungkin kilang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu di dalam kategori ini.

**Puan Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapakah berlaku pencemaran organik, adakah penduduk-penduduk kita kurang kesedaran akan kebersihan ataupun kurang tempat-tempat membuang bahan-bahan terbuang yang menyebabkan menjadi pencemaran alam semua jadi.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, kesemua ini adalah sebab-sebabnya.

**KAPAL DAGANGAN POMEX SAGA TERTEMBAK DI JEPUN**

14. **Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bagaimanakah terjadinya kapal dagangan Malaysia POMEX SAGA yang belayar di Luat Perairan Jepun diserang dengan ROKET pada malam 27 Julai 1987 yang lalu. Apakah motifnya dan apakah tindakan Kerajaan kita terhadap peristiwa itu.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, kapal perdagangan Malaysia iaitu "POMEX SAGA" telah tertembak secara tidak sengaja apabila sebuah kapal FA- 18 kepunyaan Tentera Laut Amerika Syarikat yang sedang menjalankan latihan mengebom sebelah malam telah melepaskan bom MX-76 (non-explosive bomb) yang mengakibatkan kerusakan kapal tersebut serta mencederakan seorang anak kapal.

Penyiasatan lanjut sedang dijalankan oleh kedua-dua pihak Amerika Syarikat dan Kerajaan Jepun terhadap peristiwa tersebut. Soal gantirugi akan dibincangkan sebaik sahaja penyiasatan itudisempurnakan.

Kerajaan memandang berat akan peristiwa tersebut dan telahpun memberitahu kepada Kerajaan Amerika Syarikat dan Jepun akan pendirian tegas kita. Kerjaan juga akan memastikan bahawa semua kapal perdagangan kita sentiasa mengawasi agar tidak mendekati perairan yang termasuk di dalam kawasan larangan di mana latihan-latihan ketenteraan sedang dijalankan dan sentiasa mematuhi amaran-amaran tersebut.

**Tuan Abdul Majid bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidakkah ada perjanjian antara negara kita dengan negara-negara asing bagi menjamin bahawa kapal-kapal kita, khususnya kapal-kapal perniagaan ini sentiasa selamat berlayar di laut di seluruh dunia ini.

**Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Biasanya semua kapal kita tahu pun mana-mana kapal-kapal perdagangan antarabangsa dijamin tentang keselamatan mereka, kecuali kalau mereka terkeluar daripada jalan yang telahpun ditetapkan di antara negara-negara yang ada perjanjian antarabangsa. Malangnya, kes POMEX SAGA ini ianya telah tersilap jalan untuk mengelakkan suatu taufan telahpun mendekati sempadan tempat larangan, itu sebab mengapa kapal itu ditembak dengan tidak sengaja.

15

**KADAR BAYARAH TOL**

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah pihak Kementerian akan memperkenalkan sistem bayaran tol yang lebih sesuai dan tidak membebankan pengguna jalan raya, khususnya yang miskin dan berpendapatan rendah, pada masa akan datang sebagai langkah positif terhadap dakyah-dakyah yang ditimbulkan oleh orang-orang yang tidak senang dengan pembangunan negara Malaysia.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerjaraya belum bercadang untuk memperkenalkan sistem bayaran tol yang lain daripada sistem yang ada sekarang memandangkan bahawa sistem bayaran tol yang sedang dilaksanakan sekarang adalah didapati wajar dan sesuai. Di samping itu, kadar bayaran tol yang dikenakan adalah sangat berpatutan serta munasabah dan tidak membebankan pengguna jalan raya.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap soalan yang ke-15 ini adalah bercanggah dengan jawapan Yang Berhormat tadi. Dalam jawapan Yang Berhormat pada soalan ke-6 saya berasa kecewa dan terkejut kerana sebagai seorang Yang Berhormat Ahli Kabinet tidak berconfident kepada Kerajaan membuat satu kenyataan bahawa Yang Berhormat berasa malu dan segan berkhidmat di bawah Kementerian. Saya berpendapat sepatutnya kalau Yang Berhormat tidak berconfident kepada Kerajaan sepatutnya meletakkan jawatan. Kalau tidak, Yang Berhormat sepatutnya menyampaikan hasrat dan pandangan rakyat kepada Kementerian ataupun Kerajaan Pusat untuk mencari satu penyelesaian ataupun resolusi untuk mengurangkan bayaran tol.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat itu fikir betul, dia patut berasa simpati kepada government, saya dan Menteri. Kerana dia tidak merasa apa yang dibuat oleh rakyat masa Hari Kebangsaan dahulu, masa kontingen melintas tempat-tempat Menteri dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, bila sahaja kontingen kita keluar, orang kata kiri kanan, kiri kanan; tetapi apa orang kata, "tol sana, tol sini" [Ketawa]. Itu perbuatan yang saya kata malu tadi itu, Yang sebenarnya dia seharusnya merasa simpati terhadap Kerajaan dan Kementerian, ini tidak bercanggah. Kalau dia sendiri compare apa yang kita buat di Malaysia dengan di mana-mana tempat negara yang maju, khasnya macam di Amerika Syarikat dan Jepun, terdapat kutipantol sini sangat rendah kala-i kita bandingkan dengan negara-negara yang sudah maju, apatah lagi negara kita ini sedang memerlukan wang ringgit untuk memperbaiki jalan-jalanraya di negara ini. Saya tidak mengatakan saya malu ataupun tidak berkeyakinan dengan Kerajaan, itu salah. Yang saya malu tadi jadi buah mulut orang ke kiri kanan, barangkali lebih-lebih lagi daripada kawasan dari mana Yang Berhormat itu datang [Ketawa].

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya sedarkah bahawa pengguna-pengguna tol dari pekan Nilai pada masa dahulu bayar 50 sen sahaja, tetapi pada masa sekarang semenjak 3 bulan ini mereka terpaksa bayar \$1.50. Oleh sebab itu saya berharap dan merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya apabila menyemak, Kementerian Kerjaraya membuat penyemakan daripada cadangan-cadangan orang ramai, haraplah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya mengambil tahu mengenai kesusahan penduduk-penduduk di pekan Nilai dan sekitar raengalami kesusahan membayar tol tiga kali ganda dari pekan Nilai ke Kuala Lumpur.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya jawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya mahu tahu dari mana parti dia ini? Dari MIGkah atau dari mana satu parti supaya senang cakap sedikit [Ketawa]. Yang Berhormat daripada parti mana?

**Tuan C. Krishnan:** Saya daripada Barisan Nasional, Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk]

**Tuan Luhah Wan:** Kerana dalam Barisan Nasional ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan nama parti itu Barisati Nasional. Barisan Nasional ini adalah naraa umum kepada satu kumpulan berbagai bilangan political party, raacam saya dari SNAP, ada MIC, ada GERAKAN, ada UMNO, ada USNO, ada BERJAYA dan lain-lain lagi. Saya ini sebagai Leftenan sahaja. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** [Bangun]

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yaug di-Pertua.....

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, biarkan saya memberi sedikit penjelasan dahulu.

**Timbalan Yang dirPertua:** Minta Yang Berhormat Tuan Krishnan duduk dahulu!

**Tuan Luhah Wan:** Baik, duduk!

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma memberi cadangan supaya kalau boleh menyeraak. Apa sebab Timbalan Menteri Kerjaraya marah di dalam Dewan ini? [Ketawa]

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yaug di-Pertua.....

**Tuan C. Krishnan:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya irigin tahu daripada warna saya, saya dari MIC. [Ketawa]

**Tuan Luhah Wan:** Bagus, terima kasih. Kalau Yang Berhormat itu daripada MIC, saya katakan tadi saya cuma Second Liuteuant. Supreme Commander - boss dia. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bagus kita tutup masalah ini dan dipersilakan.....

**Tuan Luhah Wan:** Sedikit lagi. Saya bukau -buat suka-suka macam kata dia, kita buat cadangan. Proposal kita, kita hantar kepada Kabinet. Kabinet yang membuat keputusan. Jadi bila Kabinet sudah membuat keputusan, itulah peraturan yang kita harus jalankan, kita tidak suka-suka, ini bukan mudah.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom, dipersilakan.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua soalan yang ke 16.

#### KEMPEN BULAN BAHASA KEBANGSAAN

16. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah kempen Bulan Bahasa Kebangsaan akan dijalankan. Setelah 30 tahun merdeka, bilakah Kerajaan akan menentukan 100% Bahasa Kebangsaan akan menjadi bahasa rasmi sepenuhnya oleh Kerajaan dan swasta.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kempen Bulan Bahasa Kebangsaan yang dimaksudkan itu telah dilancarkan pada 11hb Disember, 1987 dan dilaksanakan sebagai suatu Gerakan Cintailah Bahasa Kita.

Bahasa Kebangsaan sebenarnya menjadi bahasa rasmi sepenuhnya apabila ianya digunakan dalam urusan rasmi Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun Kerajaan dan sebagai bahasa penghantar sekolah-sekblah serta institusi-institusi pelajaran tinggi Kerajaan. Adalah diharap langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan, seperti melancarkan gerakan 'Cintailah Bahasa Kita' akan menggalakkan pihak swasta menggunakannya secara meluas. Adalah harapan Kerajaan supaya Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa kepunyaan semua pihak di tanahair.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi bagaimana dengan perjalanan menggunakan Bahasa Kebangsaan di Mahkamah-mahkamah Majistret yang rendah pun masih menggunakan bahasa Inggeris, menggunakan Juru Bahasa sedangkan yang didakwa, dengan yang mendakwa, dengan yang hendak menghakimkan Melayu semua?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah dikait-kait kerana lagi banyak undang-undang kita masih dalam bahasa Inggeris dan di mana Rang Undang-undang baru yang kita membuat pindaan, dibuatkan dalam Bahasa Kebangsaan.

#### EKSPORT BARANGAN UTAMA

17. **Tuan Mohd. Hoor bin Bedah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) prestasi eksport sektor barangan utama tahun ini;
- (b) usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian bagi mengatasi masalah-masalah kelembapan pemasaran bagi barangan utama dari segi jangka pendek dan jangka panjang; dan
- (c) usaha-usaha yang telah dijalankan bagi mengatasi masalah pengangguran akibat dari penutupan beberapa Syarikat Per-lombongan dan Perkayuan di negara ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama.

Tuan Yang di-Pertua, (a) sektor barangan utama negara kita meningkat 10% kepada \$14.9 ribu juta berbanding \$13.1 ribu juta pada tahun 1986. Awal tahun ini harga mula pulih kerana banyak permohonan dari negara-negara pengguna.

Harga minyak kelapa sawit, pada 11 bulan tahun ini, meningkat dari \$685 setan kepada \$757 setan. Pada 15hb Disember tahun ini ia meningkat tinggi, iaitu \$932.50 sen setan.

Harga getah pula baik, iaitu 270.18 sen sekilogram berbanding dengan 207.31 sen sekilogram pada tahun 1986. Harga terus meningkat kepada 272 sekilogram pada 15hb Disember tahun ini.

Kayu-kayan berada di paras harga yang tinggi. Kayu balak pada tahun 1986 berharga \$150.08 semeter padu berbanding dengan tahun 1987 \$172.02 semeter padu pada tahun ini. Kayu gergaji pada tahun 1986 \$396.02 sementara pada tahun ini \$438.02 semeter padu. Kayu lapis pada tahun 1986 \$282.06 semeter padu berbanding dengan tahun ini \$323.08 semeter padu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai harga timah pula, harga telah meningkat kepada \$16 ke \$17 sekilogram berbanding dengan \$14 sekilogram pada tahun sebelumnya. Andainya harga ini terus meningkat pada tahun 1988, insya Allah akan mempercepatkan pemulihan ekonomi negara kita ini.

Menyentuh kepada soalan (b), pihak Kementerian terus menjalankan usaha-usaha bagi meningkatkan eksport barangan utama negara kita. Di antaranya, menghantar misi-misi perdagangan dan teknikal ke negara-negara di mana seminar, persidangan serta pameran dianjurkan; juga meningkatkan usaha-usaha penyelidikan kegunaan baru bagi barangan utama serta meningkatkan khidmac nasihat teknikal kepada negara-negara pengguna.

Menyentuh kepada soalan (c), Kerajaan-kerajaan Negeri sedang dan telah berusaha dengan cara melanjutkan tempoh pajakan lombong di samping menggalakkan aktiviti pertanian di atas tanah perlombongan termasuk pembiakan ikan air tawar.

Mengadakan perancangan rumah kos rendah di atas tapak bekas lombong manakala, sektor perkayuan, Kerajaan-kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada kilang-kilang yang menutup kilangnya kerana kehabisan kayu balak untuk mendapat kawasan pembalakan yang baru serta mencari pasaran-pasaran baru.

Kerajaan juga meminta kerjasama negara-negara pengeluar kayu-kayan bagi merasionalkan pengeluaran dan pasaran kayu-kayan mereka untuk mengelakkan penawaran yang meVebih di pasaran antarabangsa.

Dengan usalia-usaha ini, Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 30 kilang kayu dan 27 buah lombong timah yang telah ditutup dapat beroperasi semula. Kedudukan tenaga pekerja suku tahun ketiga bagi tahun 1987 adalah lebih tinggi di dalam sektor kayu-kayan dari tahun 1986. Ini adalah menunjukkan lebih ramai pekerja-pekerja yang telah diambil bekerja semula.

#### KENYATAAN AKHBAR BERDASARKAN PERKAUMAM - MENYIARKAN

18. **Tuan Chan Choong Tak** minta Perdana Menteri menyatakan satu undang-undng untuk mencegah individu-individu, organisasi-organisasi atau parit-parti politik daripada menjalankan aktiviti-aktiviti atau menyiarkan kenyataan akhbar yang berdasarkan perkauman atau keagamaan yang akan menimbulkan kesalahfahaman di kalangan rakyat kita yang berbilang kaum, agama dan budaya.

**Tuan Othman bin Abdul:** tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal undang-undang yang khusus bagi mencegah kegiatan-kegiatan

yang menimbulkan salahfaham rakyat memandangkan undang~undang yang sedia ada masih sesuai digunakan lagi.

Di samping itu, Kerajaan juga mempunyai rancangan bagi mengadakan peratutan yang boleh digunakan sebagai panduan akhbar-akhbar tempatan yang dinamakan Kod Etika Kewartawanan yang lengkap.

Mesyuarat antara Jabatan Perpaduan Negara, Kementerian Penerangan, Majlis Keselamatan Negara dan BERNAMA telah diadakan dan juga Kerajaan bersetuju bagi mengadakan satu Majlis Akhbar bagi mengawasi dan menguatkuasakan Kod Etika Kewartawanan ini.

#### PELANCONGAN - GALAKAN

19. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan para pelancong-pelancong yang dijangka akan datang melancong ke negara kita dalam masa pada thun 1988, 1989 dan 1990;
- (b) apakah rancangan-rancangan pihak Kerajaan dan swasta supaya lebih menarik dan ramai bilangan para pelancong datang mengunjungi ke negara kita ini; dan
- (c) berapa banyakkah jangka kasar hasil kita akan dapat diperolehi dari kedatangan para pelancong pada tiap-tiap tahun berkenaan.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah diramalkan seramai 3,374,443 para pelancong yang akan datang melancong ke Malaysia pada tahun 1988, seramai 3,673,024 orang pelancong pada tahun 1989 dan seramai 4,031,939 orang pelancong pada tahun 1990.

- (b) Rancangan-rancangan pihak Kerajaan dan swasta supaya menarik lebih ramai bilangan para pelancong datang mengunjungi ke negara kita ini adalah seperti berikut

**A. Pengiklanan di Media Masa Antarabangsa -**

Pengiklanan adalah merupakan usaha untuk mengutarakan segala tarikan dan keindahan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan dan pusat konvensyen di rantau ini. Kempen-kempen pengiklanan perbadanan yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia adalah dilancarkan dengan mengambil perhatian kepada hasil-hasil kajian yang dijalankan dari masa ke sernasa dan juga maklumbalas yang diterima dari pejabat-pejabat cawangan serta agensi perhubungan awam dan pengiklanan perbadanan di luar negeri. Sebahagian besar dari kempen pengiklanan Perbadanan adalah dijalankan menerusi televisyen, radio dan majalah-majalah terkemuka di semua pasaran terpilih seperti di Amerika Syarikat, Eropah, negara Jepun, Hongkong, Taiwan, Australia dan negara Thai. Perhatian adalah juga diberi kepada pasaran-pasaran baru yang mempunyai potensi ke arah peningkatan bilangan kedatangan pelancong-pelancong asing ke negara ini.

**B. Kempen Galakan Usahasama Dengan Sektor Swasta -**

Aktiviti yang kedua pentingnya yang akan dijalankan oleh Perbadanan sama ada secara persendirian atau dengan kerjasama sektor swasta termasuk Sistem Penerbangan Malaysia adalah meliputi penganjuran program-program penggalakan seperti penghantaran misi jualan pelancongan ke pasaran-pasaran yang terpilih, penyertaan dalam pameran-pameran dan pertunjukan-pertunjukan pelancongan antarabangsa, seminar, woksyop dan lain-lain persembahan untuk meningkatkan lagi kesedaran di kalangan pengusaha-pengusaha pelancongan dan bakal-bakal pelancong mengenai potensi Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan.

**C. Aktiviti Perhubungan Awam -**

Untuk menambahkan publisiti mengenai Malaysia, penulis-penulis pengembara dan rombongan-rombongan perfileman dari luar negeri di jemput membuat liputan mengenai negara ini. Bagi tahun 1987, Kerajaan telahpun melancarkan satu tabung hospitality di mana kesemua sektor Industri pelancongan yang meliputi badan-badan pelancongan di peringkat negeri, MAS, hotel-hotel, agensi-agensi pelancongan dan syarikat-syarikat kereta sewa telah menyumbangkan perkhidmatan masing-masing dengan tujuan untuk meraikan lebih 500 penulis pengembara dan kumpulan perfileman luar negeri bagi membuat liputan masing-masing mengenai Malaysia. Langkah ini adalah bertujuan untuk memberi tekanan yang

berlebihan lagi kepada. kempen penggalakan dan pengiklanan untuk meningkatkan kedatangan pelancong-pelancong asing ke negara ini. Langkah ini akan dipergiatkan lagi dalam tahun-tahun yang akan datang.

#### **D. Penyibaran Maklumat**

Maklumat mengenai destinasi tempatan diedarkan dalam berbagai jenis risalah-risalah yang khusus untuk kegunaan bakal-bakal pelancong di dalam dan di luar negeri. Bagi tahun 1988, risalah-risalah pelancongan akan dicetak di dalam Bahasa Malaysia, Inggeris, Jerman Barat, Jepun, Perancis dan Cina untuk pengedaran menerusi Pejabat Cawangan Perbadanan, Perwakilan-perwakilan Malaysia, Pejabat-pejabat MAS dan Persatuan Penuntut Malaysia di luar negeri, di samping pengedaran yang dibuat menerusi persatuan-persatuan pelancongan, hotel-hotel, agen-agen pelancongan di seluruh negara.

- (c) Pendapatan dari pertukaran wang asing yang dijangka diperolehi dari kedatangan para pelancong tersebut adalah diramalkan sebanyak \$1,960.4 juta pada tahun 1988, sebanyak \$2,332.9 juta pada tahun 1989 dan hampir \$3,000 juta pada tahun 1990.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

**Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 20 hingga 23 adalah]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (16hb .Disember, 1987)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said menyambung ucapan beliau. Silakan, Ahli Yang Berhormat,

**3.38 ptg.**

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Nohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyambung sedikit sahaja lagi iaitu menyambung ucapan semalam atas perbahasan suatu Akta bagi meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar, 1972.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya sudah bercakap banyak iaitu mengenai dengan makanan orang-orang, bagaimana setengah-setengah manusia di restoran makan otak kera hidup-hidup, sup ular dan ada yang minum darah ular untuk menjadikan badan mereka kuat, tenaga mereka kuat, panas dan berani dan lain-lain lagi penganiayaan terhadap binatang-binatang yang dilakukan oleh manusia yang luar biasa di dunia ini,

Saya suka juga menyentuh mengenai pakaian seragam bagi pegawai-pegawai penguatkuasa hidupan liar iaitu saya mahu biarlah pakaian seragam pegawai penguatkuasa berbeza dengan pakaian si pemburu agar pemburu-pemburu tadi tidak dapat menyamar diri sebagai penguatkuasa yang boleh meneroka hutan-hutan belantara bagi mencari keuntungan

dan mencari kekayaan dari barang-barang buruan seperti kulit ular, kulit buaya, kulit harimau, gading gajah dan sebagainya, bagi dijadikan hasil matapencarian mereka melalui penipuan secara haram ini.

Rasa saya sedikit mengulas mengenai minum darah ular ini, rasa saya dalam hutan, kalau kita rajin ke hutan belantara mencari ubat-ubat, kita tak payah menganiaya binatang-binatang ini, kita boleh mencari akar-akar kayu yang banyak dijadikan Tuhan di dalam hutan sebagai ubat seperti ubat-ubat asli satu daripadanya saya hendak sebutkan di sini ialah seperti akar kayu bernama "Akar Baginda Ali".

Akar "Baginda Ali" ini kalau kita cincang, rebus, kita minum jadi ubat kuat kepada orang lelaki, tidak payah makan makjun dhab, tidak payah minum darah ular, tidak payah makan otak kera. Sebab akar kayu "Baginda Aii" ini orang lelaki adalah kuat dan bertenaga sepanjang masa.

Rasa saya kita boleh amalkan ubat-ubat asli dengan mengambil akar-akar kayu dari hutan belantara ini.

Tuan Yang di-Pertua, setiap negara di dunia ini masing-masing mempunyai undang-undang mengenai bidang kuasa Kerajaan melindungi hidupan liar daripada keganasan setengah-setengah manusia yang tidak bertanggungjawab. Kita bukan lagi berada di zaman batu di mana orang-orang yang kuat akan memerintah dan orang-orang yang lemah dan hidup liar dikurung dan dijadikan barang mainan untuk memuaskan hawa nafsu mereka. Yang menjadi mangsa ialah penghidupan liar yang tidak boleh mempertahankan keselamatan diri mereka daripada manusia-manusia yang zalim.

Dalam tahun 1980an ini masih ada setengah-setengah orang yang arif mengenai undang-undang. Akan tetapi mereka dengan sengaja tidak mahu menghormati undang-undang dan akan terus memburu hidupan liar sebagai hobi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hutan belantara juga untuk kepentingan diri mereka, perbuatan mereka itu menunjukkan seolah-olah tidak ada sesuatu undang-undang pun yang boleh melarang mereka membuat sesuka hati mereka terhadap hidupan liar.

Tuan Yang di-pertua, pengjudan berbagai jenis hidupan liar di hutan belantara di muka bumi ini adalah ciptaan Tuhan. Rasa saya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam hutan belantara kita yang paling banyak sekali ialah jenis-jenis burung. Rasa saya di negara kita seperti saya sebutkan satu dua tiga contoh iaitu byrung Raja Udang,

rupanya cantik; burung Tiong - bukan "Tiong" sebelah saya ini. Burung Raja Wali, burung Nuri, burung Merak, burung terkukur atau burung Merbuk yang bunyinya sedap dan pandai melagukan. Dan ada pula burung yang boleh kita makan iaitu burung Ayam-ayam. Ini boleh kita makan kerana ianya hidup di dahan-dahan kayu. Rasa saya Kementerian ini boleh merabiakkan burung Ayam-ayam ini. Rupanya seperti ayam begitu kecil, denak sahaja dan dagingnya lebih sedap daripada ayam biasa. Dan di daiam hutan belantara kita juga terdapat binatang bernama "Itek Air". Itek Air ini cantik, dia boleh terbang dan dia terbang sekawan-sekawan. Si-pemburu inilah sebagaimana yang aikatakan oleh Puan Ainon yang pandai menembak dan hobinya menembak, suka menembak itek air kerana itek air ini kalau ia berjalan, ia berjalan sekawan, cantik. Dia terbang berpasang-pasangan. Lebih-lebih lagi waktu petang. Jadi, pemburu-pemburu di waktu petang inilah dia menembak itek air ini. Bukan dia suka hendak makan, tetapi dia suka menembak. Tetapi kalau kita makan dagingnya, lebih sedap daripada Itek Nila atau Itek Jawa.

Jadi, di hutan kita ini banyak terdapat Itek-itek Air terutama di tasik-tasik biru seperti di negeri Pahang yang banyak tasik, di situlah Itek-itek Air ini banyak didapati. Dan saya sudah pernah makan daging itek ini memang sedap. Tetapi susah hendak dapat, kecuali kalau orang mengidam itu mungkin bolehlah cuba carikan, tetapi susah dan sukar kita hendak dapatkan Itek Air ini.

Tuan Yang di-Pertua, ciptaan Tuhan ke atas makhluk yang ada di dalam hutan ataupun setiap hidupan liar itu mempunyai pengertian yang tertentu dan tidak boleh direka-reka oleh manusia. Kewujudan mereka ini ialah kehidupannya sekelompok-kelompok, bermasyarakat

juga di dalam hutan. Misalan di dalam hutan mereka ini pun ada puak-puak dan ada ketuanya, Kalau Harimau atau Singa itu kita gelar dia "raja di hutan"; kalau sang Kancil itu kita gelar dia ini "si-cerdik di hutan."

Begitu jugalah masyarakat binatang-binatang di hutan belantara ada cara-cara hidupnya yang teratur dan semula jadi yang dijadikan oleh Allah.

Sebagai contoh binatang Kangaroo misalnya melambangkan identiti negara Australia. Binatang Zarafah ataupun Kuda Belang membayangkan benua Afrika seperti negeri Kenya.

Dan jika kita sebut Sang Kancil misalnya melambangkan negeri Melaka kerana negeri Melaka sekarang kalau kita datang dan masuk ke daerah Melaka, kita narapak dua ekor Sang Kancil menunggu. Jadi ada sempenanya, Tuan Yang di-Pertua dan mungkin kawan-kawan .banyak membaca cerita sejarah bila mana seorang raja datang membuka hutan negeri Melaka, berteduh di bawah pokok Melaka, mereka nampak Sang Kancil boleh mengalahkan anjing raja yang begitu kuat sekali. Jadi, dengan sebab inilah negeri Melaka mengambil sempena Kancil dijadikan lambang negeri Melaka walaupun kecil tetapi gagah. Mudah-mudahan negeri Melaka walaupun kecil, biarlah negerinya masyhor dan gagah dari negeri-negeri lain di seluruh Malaysia, Dan banyak lagi hidupan liar yang dijadikan lambang sesuatu negara dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan Kerajaan untuk meminda dan memperkemas undang-undang hidupan liar ini adalah kena pada tempatnya dan selaras dengan keadaan dan setengah-setengah manusia yang suka mencari keuntungan tetapi perbuatan mereka itu lama kelamaan akan memusnahkan hidupan liar di hutan negara Malaysia ini. Kalau

kita tidak cegah manusia ini akan membuat perkara ini berterusan dan akan menjalankan hobinya berterusan-terusan.

Selain dari tindakan haram yang pernah dilakukan terhadap hidupan liar itu Kerajaan juga perlu mengawal hidupan liar ini daripada berbagai penyakit. Dan jika dibiarkan akan menjadi pembawa penyakit dan wabak yang merbahaya. Seperti di negeri-negeri barat, Tuan Yang di-Pertua, saya lihat di akhbar-akhbar dan di kaca TV ada klinik binatang. Misalnya kalau kucing kita bersin, sakit; kita boleh bawa ke klinik, Ini juga sekurang-kurangnya dari segi agama pun kita dapat pahala kerana dapat raemelihara dan menyelamatkan nyawa binatang-binatang selalainya daripada binatang ternakan yang kita bela di rumah, mungkin juga kalau gajah kita sakit, kuda, rusa dan sebagainya, yang kita payah dapat, kita ada klinik untuk merawat binatang-binatang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita pernah juga melihat setengah-setengah orang menjual burung-burung di tepi jalan. Burung-burung itu misalnya dimasak sop di situ juga dan apa yang menghairankan kita ialah dari mana mereka atau penjual tersebut mengimport atau menangkap burung-burung itu. Ada setengah-setengah kedai itu dia ada buat sangkar-sangkar burung, kita boleh pilih. Kita datang hendak makan sop apa, sop terpati atau sop burung apa, yang kita hendak kalau dia orang Islam dia boleh sembelih dan siang di situ juga. Kita boleh buat sop. Tetapi saya fikirkan, saya hairan di mana dia dapat-burung ini khususnya burung-burung yang cantik-cantik.

Pihak Kementerian mestri mengawasi dari mana dia dikeluarkan sama ada diimport dari luar negeri atau diterokai di hutan belantara kita. Ini kita kena memerhati dan mengawasi perbuatan mereka ini.

Dan bagaimana mereka boleh terlepas daripada pegawai-pegawai penguatkuasa yang mengawal hutan belantara kita.

Oleh itu kita berharap apabila bidang kuasa yang lebih luas dib rikan -kepada pegawai-pegawai tersebut. kita berharap janganlah mensia-siakan Kerajaan dan masyarakat. Dan jangan pula pegawai-pegawai tersebut menghampakan harapan rakyat dan Kerajaan seperti kata orang Melayu "harap pagar, pagar makan padi." Jadi, kita harapkan pegawai-pegawai ini nanti, pegawai-pegawai itu pula mencari burung-burung dt hutan. Saya tidak menuduh, ini misalan sahaja. Mengambil burung-burung di hutan, burung-burung dan apa sahaja seperti kulit buaya, kulit ular dan sebagainya dijual. Inilah yang dikatakan "harapkan pagar, pagar makan padi".

Kita tidak mahu perkara ini berlaku. Jadi, sebelum ianya terjadi kita ingatkan dulu. Dan mana-mana ada pegawai-pegawai yang tidak jujur dan kita mempunyai bukti terhadap mereka pegawai-pegawai yang tidak jujur ini mestilah dihadapkan ke mahkamah dan menerima hukuman yang setirapal.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap Kementerian yang berkenaan harus juga raemikirkan di masa akan datang pengwujudan satu peruntukan yang baru di dalam Akta Perlindungan Hidupan Liar ini, menggalakkan orang ramai menyampaikan maklumat kepada Jabatan yang berkenaan mengenai kegiatan-kegiatan haram terhadap hidupan liar di negara ini. Itu yang penting. Kalau Kementerian tidak ada orang yang memberikan maklumat, dia tidak tahu benda-benda ini jauh tersorok. Misal kaca di Sarawak di butan belantara macam di gua-guanya, banyak barang-barang yang berharga dan hidupan yang liar. Jadi kalau tidak ada orang yang menyampaikan maklumnat itu kepada Kerajaan, Kerajaan tidak tahu. Dan maklumat serta orang yang menyampaikan maklumat itu mestilah dianggapkaji rahsia besar.

Feruntukan yang baru ini memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Hidupan Liar mencadangkan hadiah mengikut keadaan sesuatu kes daripada peruntukan perkhidmatan rahsia. Orang yang memberi rahsia itu kita kena beri hadiah dan merahsiakan namanya. Kalau katalah "Fatimah binti Ahmad" memberi rahsia, kita rahsiakanlah jangan hebahkan. Jadi ada manusia yang akan tampil ke hadapan memberikan maklumat dan membantu Kerajaan mengenai perkara tersebut dan memberikan hadiah dari peruntukan wang perkhidmatan rahsia sama seperti yang dilakukan oleh Jabatan Kastam. Kalau kita dapat memberikan maklumat kepada Jabatan ini, ia akan memberikan hadiah-hadiah yang tertentu mengikut kes-kes atau perkara-perkara besar atau kecilnya.

Saya fikir dengan cara ini orang ramai akan lebih berani memheri maklumat kepada Kerajaan kerana kehidupan liar yang masih wujud di negara kita hari ini sedang diancam oleh orang-orang- yang ttdak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, hutan kita telah banyak diterokai dan dijadikan kawasan-kawasan perumahan dan berbagai jenis hidupan liar itu akan pupus sama sekali di muka bumi Malaysia ini, jika Kerajaan tidak mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap mereka yang suka mencari keuntungan diri sendiri tanpa menghiraukan kepentingan negara kita.

Rasa saya, setakat itulah sahaja, mungkin ada kawan-kawan lain yang ingin bercakap mengenai perkara ini dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu, belum habis sudah berdiri. **[Ketaira]** Yang Berhorraat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

3.51 ptg.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membahas serta menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972. Saya akan berucap secara ringkas dan akan menyentuh satu dua perkara sahaja,

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong di atas usaha untuk melindungi kehidupan liar yang hampir pupus itu mengikut saluran undang-undang yang dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, usaha pencegahan ialah hanya salah satu daripada usaha untuk mengekalkan ecological balance dalam nature, dengan izin, yang termasuk kehidupan liar dan tumbuhan. Apakah usaha ini akan berjaya bergantung kepada pelaksanaan yang efektif.

Memandangkan bahawa hutan adalah begitu luas untuk dikawal, saya kurang yakin usaha ini akan berjaya sepenuhnya tanpa tanggungjawab moral manusia terhadap binatang-binatang liar itu. Dalam hal ini, saya sarankan agar Kerajaan mewujudkan kempen seperti dilakukan oleh badan-badan sukarela antarabangsa untuk menyemaikan semangat bertanggungjawab terhadap makhluk-makhluk hutan belantara itu.

Tuan Yang di-Pertua, binatang-binatang liar ini akan berkurangan bukan hanya kerana kegiatan pemburu-pemburu luaran, tetapi ianya juga akan berkurangan atas sebab-sebab lain yang boleh tnenje-jaskan tempat kediaman mereka yang mengakibatkan mereka mati kelaparan, mati keraru sakit atau cedera. Biasanya ini berlaku dengan sebab kegiatan shifting cultivators, dengan izin, usaha pembalakan yang tidak selektif ataupun hasil dari membuka hutan untuk pembangunan pertanian. Pertukaran musim dan cuaca boleh juga menjejaskan kehidupan liar.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa kepupusan binatang liar itu boleh disebabkan oleh perbuatan manusia dan juga natural causes, dengan izin, saya ingin mencadangkan supaya pihak Jabatan berkenaan dan institut pengajian mencari jalan untuk mengadakan usaba-usaha pembiakan seperti dicadangkan tadi untuk jenis-jenis binatang liar yang hampir pupus itu. Saya percaya pihak Zoo Negara dan universiti-universiti tempatan dapat rnenolong dalam usaha ini dan sekiranya tidak ada peruntukan kewangan untuk usaha ini, saya cadangkan supaya peruntukan khas diberi bukan hanya untuk usaha pembiakan tetapi juga untuk usaha rawatan seperti. disebut. Sekiranya praktikal dan juga usaha penempatan; sekiranya habitat, dengan izin, itu tidak sesuai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan saya ini, dapatlah saya harap kita mengawal kepupusan binatang-binatang liar, bukan hanya dengan pencegahan menerusi saluran undang-undang, tetapi juga dengan cara pembiakan secara stiraulus, dengan izin. Kalau diharapkan pembiakan secara nature mungkin ini tidak efektif dan kadar kematian dan sakit agak tinggi. Dengan jayanya usaha pembiakan dan perlindungan, saya berbarap objektif ecological balance, dengan izin, dapat tercapai, begitu juga pencegahan kepupusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang.

3.55 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong satu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972.

Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini berhubung dengan kedudukan dan pembiakan hidupan liar yang ada dalam negara kita Ini dari pindaan-pindaan yang dicadangkan ini, nampak jelas bahawa bagi pihak Kementerian yang berkenaan akan menggunakan kuasa kepada mereka yang cuba mengganggu-gugat kehidupan binatang-binatang liar dalam hutan-hutan belantara di negara kita ini dan saya nampak daripada penjelasan yang diberikan oleh Timbalan Menteri berkenaan pada petang kelmarin bahawa berbagai-bagai cara akan digunakan untuk mencegah daripada berlakunya kekejaman dan kezaliman yang akan dilakukan oleh pemburu-pemburu ataupun mereka yang suka kepada pemburuan binatang-binatang liar sepertimana yang disebutkan dalam seksyen 7, 9 dan 10 iaitu satu daripadanya menggeledah di rumah-rumah tanpa waran, menggunakan

gari dan menggunakan sekatan jalan raya dengan tujuan memberkas mereka yang disyaki menangkap, membunuh binatang-binatang liar.

Saya menyokong penuh di atas usaha-usaha ini., tetapi dalam pelaksanaannya mungkin kita akan menghadapi berbagai-bagai keadaan dan suasana kerana sepertimana yang telahpunditerangkan baru tadi oleh Yang Berhormat saudara saya bahawa pencegahan kehidupan binatang liar yang hidup di hutan-hutan belantara ini bukan sahaja boleh dimusnahkan oleh pemburuan, malahan mungkin juga boleh musnah dengan keadaan terganggu oleh penerokaan hutan belantara seperti pembalakan ataupun hutan-hutan itu dialih kepada pertanian dan sebagainya maka binatang-binatang liar ini akan hilang tempat penginapan dan akan hilang beberapa kemudahan untuk hidup dalam hutan belantara, dan pernah berlaku. Dalam negara kita ini bahawa binatang-binatang liar ini mencari mangsanya kepada mereka yang berhampiran dengan hutan-hutan belantara yang diterokai oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Saya tidak nampak dalam pindaan ini bahawa orang ramai boleh memusnahkan ataupun boleh bertindak untuk menyelamatkan diri mereka manakala binatang-binatang liar ini mengganggu-gugat kehidupan mereka. Selama ini kita tahu dan kita faham bahawa yang mempunyai kuasa untuk menyelamatkan penduduk-penduduk yang diganggu oleh binatang-binatang liar hasil daripada penerokaan tanah-tanah ataupun penerokaan hutan belantara tadi sudah diberitahu kepada pihak bergastua supaya mereka bertindak menangkap ataupun menembak binatang-binatang liar itu. Tetapi kita tidak nampak kalau sekiranya binatang-binatang ini tidak boleh diselamatkan, mereka yang terganggu ini boleh mengambil tindakan kepada binatang-binatang liar ini dengan cara membunuh ataupun dengan cara menangkap dan sebagainya.

Satu lagi yang saya nampak yang berlaku dalam suasana rakyat luar bandar terutama sekali rakyat yang duduk di kawasan-kawasan penerokaan tanah baru biasanya binatang-binatang liar ini kita dapati kadangkala sampai kepada kawasan yang hatnpir dengan tempat mereka tinggal, Dari pengalaman saya pernah ayam hutan atau disebut juga ayam denak. Ayam ini boleh sampai kepada halaman rumah kita sendiri. Oleh kerana kawasan itu telah diganggu maka binatang-binatang ayam ataupun ayam hutan ini datang dengan membawa anak ataupun ayam jantan itu sendiri datang di halaman rumah kita. Bagi pihak orang yang ada mempunyai senjatapi maka dia tidak akan melepaskan peluang ini dan mengambil kesempatan untuk menikmati makan daging ayam ini. Kalau ini berlaku bagaimana keadaan. Saya ingin mendapat penjelasan dari pihak Kementerian.

Begitu juga tentang si kancil atau pelanduk, pernah berlaku. Boleh buat perangkap di bawah rumah kerana binatang-binatang ini berkeliaran oleh kerana penerokaan hutan-hutan belantara tadi. Dan pernah pihak Mergastua datang kepada tempat-tempat yang saya sebutkan ini tetapi kerana kebijakan orang yang menangkap, manakala hampir dengan pegawai yang berkenaaa maka binatang itu dilepaskan. Jadi, tak ada barang kes untuk hendak dibawa ke mahkamah. Tidak dapat hendak dituduh kerana dia telah melepaskan binatang tadi oleh kerana telah diserbu oleh pihak pegawai Mergastua yang saya maksudkan. Kalau begitu keadaannya bagaimana. Adakah kita hendak biarkan. Saya rasa mustahil bagi mereka yang dapat kemudahan-kemudahan yang seperti ini kita hendak biarkan begitu sahaja dengan kerana takut akan diganggu atau akan dihukum ataupun akati ditangkap atau sebagainya kerana dalam seksyen 11 ada menyebutkan rampasan

akan dibuat kepada mereka yang terlibat dengan cara mengambil batigkai atau binatang yang telah mat atau binatang yang telah disembelih ataupun saki-baki yang tinggal - yang ada.

Maksudnya kalau kita dapat seekor rusa, kita hendak tengok kalau ada saki-baki daging rusa itu tinggal maka ini akan dibawa ke mahkamah sebagai baraug kes untuk mendenda mereka yang menikmati rusa ini dengan cara menembak ataupun menjerat daa sebagainya. Tetapi apa kata kalau semuanya saki-baki itu tak ada, yang tinggal hanya daging yang sedang dimasak, menggelegak, adakah belanga-belanga itu periuk-periuknya Itu, daging-dagingnya itu hendak dibawa sekali ke mahkamah. Ini saya heudak dapat penjelasan. Atau orang itu sedang makan dengan keluarganya, datang maklumat, pegawai yang berkenaan datang menyerbu dalam rumah, bawa gari, tangkap orang yang sedang makan daging rusa itu. Ini saya heudak faham sedikit kerana ini masyarakat luar bandar. Ini sering berlaku.

Kalau tnasalah-tnasalah yang Lain kita boleh nampak tetapi bagaimana. Jadi, dengau sebab itu, kltta hendak mendapat tahu bahawa binatang liar yang ada sekarang dalam hutan belautara ini hendak tanya kepunyaan siapa. Siapa puuya binatang ini. Hendak diistilahkan siapa punya. Kalau dikatakan istilah binatang-binatang liar ini kepunyaan negara maka wajarlah Akta ini sebagaimana yang disebutkan, tetapi kalau tak dapat ditakrifkan bahawa ini kepunyaan semua rakyat maka itu kita berhaklah untuk mendapat benda-benda yang saya sebut tadi. Cuma saya menyokong dalam Akta ini kalau dengan sebegitu bebas, sebegitu sewenang-wenangnya mereka ini menceroboh hutan-belantara, membinasakan binatang-binatang dan menjadikan satu hobi kepada mereka, ini patut kita kawal, tetapi kalau sebagaimana yang saya katakan tadi binatang ini sampai ke rumah kita binatang ini masuk bawah rumah kita ataupun burung-burung yang saya maksud-

kan, katalah burung-burung punai dan sebagainya, kadang-kadang terbang betul-betul di depan mata kita, di perairan dekat rumah kita, dia berkawan-kawan, ini pun orang kampung tembak juga. Dia tembak bukan kerana hobi tetapi kerana dia hendak meniktnti daging punai, daging ini tidak dapat dijual di kedai, malahan dcngan cara raacam itu, bukan dia pergi bawa peluru, dia sengaja, tak ada. Jadi, macam ini apa hukumnya. Tentulah ada kategori-kategorinya. Kalau sama sahaja, ini rasa saya satu benda yang kita hendak jalankan, tetapi orang tak dapat hendak beramal. Dengan sebab itu, saya ingin hendak mendapat peristilahan bintang liar ini kepunyaan siapa.

Kalau hutan hari ini, tanah hari ini dikatakan tanah negara. Tanah yang tak bertuan, yang tak dipunyai oleh sesiapa, itu kita letakkan di bawah tanah negara, tetapi binatang liar ini siapa punya. Burung-burung yang berterbangan ini siapa punya. Kalau mengikut dari istilah agama ini adalah satu rahmat yang diberikan oleh Allah kepada mausia yang kita boleh ambil manfaat daripada benda-benda ini tetapi jangan sampai merosakkan, jangan sampai pada pembinaan. Dengan sebab itu kalau mengikut hukura agama, ditembak binatang ini dengan tujuan untuk hendak membunuh atau hendak sembelih - hendak makan tak boleh disahkan kalau dia mati dengan tembakan melainkan mesci mati dengan disembelih kerana tembakan ini tidak boleh diteriraa oleh agama. Cuma kalau dipanah, itu boleh kerana panah itu bukau bahan apl. Dipanah Bismillah-hirrahman nirahim. Kita pun panah satu binatang, kemudian kita tak sempat sembelih maka binatang itu halal kita makan kerana niat ketika kita memanah tadi kita hendak bunuh dia kerana kita hetidak makan. Dari segi Islatn, ini boleh tetapi dari segi penembakan, ini memang tidak boleh. Kalau dia mati tidak halal bagi kita hendak makan. Dengan sebab itu, kawalan-kawalan seumpama ini saya rasa patut kita laku-

kan. Tetapi saya tak nampak perlonggaran dalam Akta ini kalau benda-benda ini berlaku dengan cara kebetulan sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Ini banyak berlaku kepada tanah-tanah FELDA yang baru dibuka kerana hutan itu masih ada lagi saki-bakinya dan binatang-binatang liar ini masa ada lagi di pinggir-pinggir itu kerana tak sempat pindah ke mana-mana. Kemudian dia keluar, dia ingat itu hutan, dia tak tahu rumah orang, rupanya tempat dia duduk itu rumah orang, bukannya hutan, orang itu ambil kesempatan, pasang jerat atau taruh umpan untuk menangkap binatang-binatang tadi. Ini saya mintalah kalau boleh dapat dijelaskan dan diterangkan supaya maklumat-maklumat ini dapat kita berikan kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Begitu juga pihak Kementerian yang berkenaan haruslah membuat kajian di mana binatang-binatang liar yang banyak dalam hutan-hutan belantara yang hendak diteroka oleh Kementerian Pertanian ataupun FELDA atau sebagainya hendaklah dikaji hutan itu berapa banyak binatang liar yang ada, yang harus diselamatkan baru diteroka hutan itu. Kalau diteroka begitu sahaja maka binatang-binatang ini akan hilang tempat penginapan dan akan terganggu-gugat kehidupan mereka. Maka dengan sebab itu, binatang-binatang ini berkeliaran masuk dalam kawasan-kawasan pertanian dan pernah memamah dan memakan dan menginjak manusia. Jadi bagaimana.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokonglah Akta ini tetapi harus dibuat kajian bagi menyelamatkan mereka yang saya sebutkan tadi. Kalau ini boleh dijelaskan maka insya Allah, Akta ini akan dapat difahamkan oleh rakyat seluruhnya, bukan sahaja dalam bandar, melainkan yang banyak terlibat ini ialah rakyat luar bandar terutama sekali mereka yang baru dapat senapang.

Ini yang kita tahu, baru-baru ini dalam suratkhobar, dalam kawasan saya seorang sudah mati kerana dia pergi memburu 2 orang. Seorang tertidur, lampu torchlightnya dia buat bantal, kerana dia tidak sedar, rupanya lampu itu telah terpicit oleh kepalanya sendiri, keluar api. Fikir kawannya "Ini bukan kawan dia, sebab kawannya sudah tidur". Dia tidak tahu dari mana datang api, dia tembak, tengok-tengok yang tertembak ialah kawannya.

Saya nampak tidak ada apa-apa, tetapi dibawa ke Mahkamah, denda \$2,000 sebagai mengambil ada sahaja kerana dianggap membunuh dengan tidak sengaja,

Jadi, oleh kerana itu perkara ini saya minta Kementerian dan pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk mengawasi keadaan-keadaan yang macam ini hendaklah betul-betul caranya dan satu lagi saya nampak dalam pemburuan ini juga ada satu kuasa lain. Bolehlah mohon kepada kuasa **ini**, kita boleh pergi tembak rusa, kemudian rusa itu kita boleh bagi, kalau kena tangkap, kita kata ini adalah kebenaran orang ini, boleh lepas. Jadi, saya tidak sebutlah kuasa itu. Pihak Kementerian kena siasat apa kuasa-kuasa yang ada. Inipun satu perkara yang kurang baik juga. Kalau rakyat jelata boleh kena macam ini kena ambil lesen, kena ambil kebenaran, tetapi yang satu ini tidak payah - gunakan nama dia pun cukup. Mergasetua tangkap, kata ini rusa saya tembak oleh kerana ini. Inipun susah, sebab itu banyak kita dapati di rumah-rumah orang ini kepala-kepala rusa yang sudah dimasukkan kimia, setelah dikeraskan, hasil daripada tembakan rakyat. Inipun merbahaya juga, inipun kena Eikirkan juga. Jadi, kalau undang-undang ini berjalan, biarlah berjalan sama-sama.,

Tuan Yang di-Pertua, saya akhirnya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Puan Mazidah.

4.12 ptg.

**Puan Mazidah Haji Zakaria:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya turut serta di dalam membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi merninda Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972.

Tuan Yang di-Pertua, pernah diperkatakan musuh yang paling bahaya dan mungkin tidak dapat diatasi oleh segala hidupan liar adalah manusia sendiri. Manusia dengan akal fikirannya akan mencipta-kan dan melakukan apa sahaja untuk kepentingan manusia itu sendiri sama ada kepentingan ini berupa kepentingan ekonomi ataupun kepen-tingan riadah ataupun rekreasi dan dalam proses memenuhi kepentingan ini, manusia kadangkala tanpa kawalan boleh membinasakan alam persekitarannya dan akhirnya mungkin juga membinasakan kehidupan manusia itu sendiri, apabila perimbangan ekologi manusia itu tadi tidak dapat dipertahankan lagi.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, secara peribadi, apa yang saya harapkan ialah di satu masa nanti akan dapat dibentangkan dan diluluskan di Dewan yang mulia ini satu rang undang-undang yang raelarang sama sekali pembunuhan, pembinasaan, pengurangan hidupan-hidupan liar, kecuali untuk tujuan memelihara di zoo-zoo dati untuk tujuan penyelidikan. Mungkin apa yang saya harapkan ini agak keterlaluan, oleh itu sekurang-kurangnya saya bersyukur dengan adanya Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 yang mahu dipinda ini bagi menjamin perlindungan hidupan liar kita dan dengan itu menjamin juga warisan semula jadi negara kita yang sama-sama kita harapkan dapat juga dihayati oleh generasi-generasi akan datang.

Menyentuh tentang Rang Undang-undang yang mahu dipinda ini, ada beberapa fasal yang ingin saya minta penjelasan sebenarnya daripada

pihak Kementerian. Fasal pertama yang ingin saya sentuh ialah Fasal 16, iaitu seksyen 31 Akta ibu yang mahu dipinda.

Yang menjadi tandatanya kepada saya ialah seksyen 31 yang baru ini, bahagian (e)nya, iaitu penambahan e(i)," supaya taraf kematangan binatang liar diperlindungi yang boleh ditembak, dibunuh, ditangkap, dibiakkan, diambil ataupun dikurung atau taraf keraatangannya burung liar yang diperlindungi yang boleh ditangkap, dibiakkan, diambil atau dikurung, dinyatakan dalam satu lesen, permit atau permit khas",

Yang menjadi tanda-tanya kepada saya ialah siapakah yang dapat menentukan tahap kematangan ini kerana di dalam proses memburu umpamanya, dapatkah seseorang pemburu itu dengan sekali imbas mengetahui tentang kematangan binatang-binatang liar yang diburunya.

Umpamanya, Fasal 21, seksyen 48 Akta ibu yang mahu dipinda, bahagian (5) yang mahu dimasukkan, berbunyi "Tiada seorang pun boleh mengganggu atau memotong atau mengeluarkan apa-apa kayu atau tumbuh-tumbuhan di dalam satu rizab hidupan liar". Yang saya ingin pen-jelasan daripada aspek ini ialah bagi manakah fasal ini ataupun seksyen ini melibatkan kehidupan Orang-orang Asli, yang seperti kita sedia maklum memburu itu merupakan salah satu sara hidupnya. Jadi, bagaimanakah kedudukan Orang Asli dalam hubungannya dengan seksyen 48(5) di dalam Akta ini nanti.

Penjelasan Fasal 22(d) iaitu penambahan perenggan baru (d) itu berbunyi "memberi tidak lebih daripada satu permit khas kepada tiap-tiap pemohon untuk menangkap, mengurung, membiakkan, menyimpan, mengimport atau mengeksport mana-mana binatang buruan atau mana-mana burung buruan atau sebahagian daripadanya. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian dengan satu permit khas yang diberikan kepada setiap pemohon ini, adakah ditentukari pula berapa banyak

yang dia boleh buru, berapa banyak yang dia boleh kurung, berapa banyak yang dia boleh biakkan dan menyimpannya dan berapa banyak pula yang boleh dieksport ataupun diimport. Kerana kalau tidak ada had berapa banyak yang boleh ditangkapnya maka satu permit khas pun cukup untuk menghapuskan keseluruhan hidupan liar di negara ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Fasal 23, Seksyen baru 51A, iaitu mengenai keperluan kebenaran bertulis untuk seseorang itu membuat penyelidikan mengenai hidupan liar ini. Saya juga ingin mendapat penjelasan dari pihak Kementerian tentang jenis penyelidikan yang dilakukan. adakah kebenaran bertulis yang dimaksudkan di dalam seksyen baru 51A ini bererti penyelidikan yang dilakukan di kawasan-kawasan perlindungan ataupun penyelidikan-penyelidikan yang dilakukan di man i juga. Umpamanya, di dalara zoo-zoo di tengah-tengah bandar dan penyelidikan yang tidak semestinya dilakukan di kawasan-kawasan perlindungan ataupun kawasan-kawasan rizab hidupan liar itu sendiri.

Mehyentuh tentang penyelidikan ini, saya ingin raencadangkan supaya penyelidikan-penyelidikan mengenai hidupan-hidupan liar kita ini sepatutnya digalakkan, tetapi dengan penggalakkan itu tidaklah bererti hasil-hasil penyelidikan itu hanya kita simpan sahaja di dalam perpustakaan ataupun di institusi penyelidikan kita. Tetapi saya ingin melihatkan peningkatan dari segi penyibaran maklumat-maklumat penyelidikan mengenai hidupan liar kita ini kepada masyarakat umum. Kadangkala kita dapati orang-orang luar negeri seperti di Amerika Syarikat, di Eropah, di Australia, di Jepun lebih memahami tentang hidupan liar kita daripada kita sendiri di negara kita.

Kemungkinan ini timbul kerana usaha-usaha peningkatan penerangan tentang hidupan liar kita ini tidak begitu sangat menggalakkan ataupun tidak begitu sangat dilakukan dengan pesatnya. Jadi sementara kita 'mengagungkan' pembangunan-pembangunan dalam aspek-aspek material yang lain, maka perlu juga kita, dengan, izin, meng-'educate'kan masyarakat- kita tentang penghayatan mereka terhadap alam sekitar termasuk juga dengan hidupan-hidupan liar ini. Satu contoh yang saya dapat beri ialah mengenai Taman Negara sendiri.

Saya dapati orang di luar negeri lebih menghayati Taman Negara kita daripada rakyat kita sendiri, setengahnya tidak tahupun di mana Taman Negara ini, apa yang terdapat di Taman Negara ini, berapa umur Taman Negara dan sebagainya, Mungkin banyak daripada kita umpamanya tidak menyedari bahawa Taman Negara yang terdapat di Pahang itu ialah Taman Tropika yang tertua sekali di dunia, tetapi berapa banyak daripada kita yang menyedari perkara-perkara ini dan oleh kerana itu penyelidikan-penyelidikan yang berkaitan dengan perkara-perkara seperti ini harus dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara-perkara yang menyentuh tentang fasal-fasal di dalam Rang Undang-undang yang hendak dipinda ini, saya juga ingin menyentuh satu dua perkara lain yang mungkin tidak dikaitkan secara terus dengan Rang Undang-undang ini, tetapi ada kaitannya dengan perlindungan alam sekitar dan juga dengan Kementerian.

Satu perkara yang amat saya rasakan perlu diambil tindakan yang serius ialah mengenai kawasan Endau-Rompin yang pada satu masa dahulu telah dicadangkan dijadikan sebagai satu Taman Negara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dianggarkan bahawa kawasan Endau-Rompin telah diwujudkan tanpa diganggu untuk sekurang-kurangnya 140 juta tahun. Oleh kerana usianya, kawasan tersebut sekarang menampung hidupan liar dan tumbuh-tumbuhan yang kaya lagi unik. Terdapat juga satu kumpulan badak sumbu di kawasan itu yang dianggarkan dalam puluhan ekor sahaja. Jumlah binatang ini di Malaysia adalah kecil dan binatang ini sekarang sedang menghadapi ancaman kepupusan. Lain-lain binatang yang ada di kawasan itu adalah seladang, gajah, rusa dan kijang. Kawasan Endau-Rompin juga merupakan kawasan terluar sungai bagi beberapa buah sungai yang mengalir di sekitar Johor dan Pahang.

Selain daripada mengawal banjir dan hakisan tanah ia memainkan peranan penting dalam pembekalan air di sekitar kawasan Pahang Tenggara. Di kawasan Endau-Rompin juga terdapat beberapa jenis tumbuh-tumbuhan yang hanya boleh didapati di kawasan selatan Semenanjung, tumbuh-tumbuhan yang terdapat di Endau-Rompin merupakan satu kumpulan baka atau 'gene pool' yang boleh digunakan untuk raembantu bidang pertanian.

Saya yakin kawasan Endau-Rompin mempunyai potensi untuk dijadikan kawasan rekreasi dan pelancongan yang sungguh menarik oleh kerana terdapat banyak air terjun dan cegar yang menarik, lebih-lebih lagi sungai yang mengalir di dalamnya jernih dan banyak mengandungi banyak ikan air tawar yang belum tercemar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, raemang saya sedar Kerajaan Negeri Pahang telahewartakan kawasan Endau-Rompin sebagai Taman-taman Negeri. Walau bagaimanapun ingin saya nyatakan di sini adalah lebih sesuai sekiranya kawasan Endau-Rompin diwartakan di bawah Akta Taman Negara supaya ianya dapat ditadbirkan sebagai satu 'entity', dengan izin,

oleh Jabatan Perhilitan yang bukan sahaja merupakan agensi yang mahir dan arif dalam bidang pemeliharaan, tetapi dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan pada hari ini akan menjadi lebih cekap dan berkesan dalam pelaksanaan tugas-tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun niat Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mentadbirkan kawasan Endau-Rompin sebagai Taman Negeri adalah baik, pada pendapat saya adalah lebih wajar sekiranya kawasan ini ditadbirkan sebagai suatu kawasan tersendiri, yang tidak dibahagikan antara dua negeri iaitu Pahang dan Johor memandangkan rancangan pengurusan yang disediakan untuknya adalah untuk kawasan Endau-Rompin secara keseluruhan dan pembinaan-pembinaan seperti rintisan-rintisan dan pos-pos pengawal yang dicadangkan di dalamnya bertujuan mengawal kawasan itu secara keseluruhan dan tidak dibahagikan kepada dua buah negeri. Lebih-lebih lagi untuk membolehkan kawasan Endau-Rompin dipelihara dengan serapurna, ianya memerlukan satu dasar pengurusan saintifik yang seragam untuk seluruh kawasan itu.

Saya sedar bahawa Kerajaan Negeri berkenaan bimbang akan penjejasan terhadap kawalan negeri serta juga tentang hakmilik terhadap kawasan tersebut. Saya difahamkan Kerajaan Negeri tidak harus kluatir memandangkan Akta Taman Negara mempunyai perbekalan yang cukup untuk menentukan kepentingan-kepentingan negara lebih-lebih lagi setelah ia dipinda pada tahun 1983.

Saya juga pasti bahawa sekiranya kawasan Endau-Rompin dijadikan Taman Negara, Kerajaan Persekutuan akan memperuntukkan sumber kewangan dan kepakaran yang cukup untuk pembangunan dan pengurusan kawasan tersebut, tambahan lagi berdasarkan pengalaman Jabatan

Perhilitan dalam menguruskan Taman Negara yang sedia ada sudah tentu Jabatan Perhilitan mempunyai keupayaan yang lebih untuk usaha pembangunan ini dan dapat memberi perhatian sepenuhnya terhadap pembangunan Taman Negara. Contohnya sekiranya Taman Negara Endau-Rompin dipasarkan sebagai suatu kawasan tarikan pelancongan sudah tentu sedikit sebanyak faedah tersebut akan dapat dihayati dan dinikmati oleh Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan.

Sehubungan dengan ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh aspek ataupun cadangan kalau belum lagi dilaksanakan tentang pembentukan Taman Laut, kalau tidak silap saya "Marine Park" yang ada ura-ura untuk ditubuhkan. Seperti yang saya dimaklumkan, penubuhan Taman Laut ini adalah dijangkakan di bawah pengawasan di bawah bidangkuasa Kementerian Pertanian. Jadi sebenarnya saya merasakan dari segi perlindungan hidup-hidupan liar ia sepatutnya termasuk jugalah perlindungan kehidupan-kehidupan liar yang di laut. Jadi oleh kerana itu saya juga berpendapat adalah wajar jika sekiranya penubuhan Taman Laut ini dari aspek perlindungan hidup-hidupan laut itu bidangkuasa Jabatan Perhilitan adalah lebih berkenaan daripada Kementerian Pertanian, biarlah Kementerian Pertanian ataupun Jabatan Perikanan menentukan aspek-aspek komersial dan ekonomi sahaja tentang perikanan ini dan aspek-aspek perlindungan dan pengekalan hidup-hidupan liar di laut ini diambil-alih oleh Jabatan Perhilitan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dari segi tafsiran Rang Undang-undang yang hendak dipinda ini saya kurang pasti sama ada ianya meliputi juga Sabah dan Sarawak kerana sebenarnya di Sabah dan Sarawak inilah potensi dari segi pembangunan kawasan-kawasan

perlindungan hidupan liar ini amat relevant atau berkaitan. Jadi, kalau boleh saya harapkan penjelasan tentang Akta ini yang dikaitkan dengan menentukan kawasan-kawasan ataupun mewartakan kawasan-kawasan hidupan liar, 'reserve' hidupan liar yang lebih banyak lagi di negara ini terutama sekali di Sabah dan Sarawak.

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

Akhirnya saya ingin mengulangi lagi sekali tentang kepentingan dipertingkatkan penyebaran pengetahuan maklumat dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan hidupan liar kita dan alam sekitar kita kepada masyarakat terutama sekali di kalangan generasi-generasi muda kita. Keperluan kita memupuk kecintaan terhadap alam sekitaran dan hidupan-hidupan liarnya adalah amat penting sekali kerana di dalatn usaha kita memupuk soal-soal cintakan negara maka harus juga kita memupuk perasaan cintakan alam sekitar dan hidupan-hidupannya kerana mencintai alam sekitar kita adalah sesuatu perkara yang tidak raengenal batasan umur, batasan bangsa dan keturunan, batasan agama, kelas mahu pun darjat.

Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif

**Cik Norani binti Haji Beluah:** [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan beri peluang.

4.32 ptg.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun ingin membahaskan suatu Akta yang dinamakan Akta Perlindungan Hidupan Liar.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua mengetahui bahawasanya dengan adanya pembangunan tanah secara berleluasa bagi kepentingan untuk meninggikan taraf hidup rakyat dan pengeluaran kayu balak dan pembangunan-pembangunan yang lain, hidupan liar di dalam negara kita

ini makin hari makin berkurangan disebabkan tempat perlindungan hidupan liar dan burung-burung liar makin hari makin berkurangan.

Selain daripada kekurangan terapat perlindungan hidupan liar pemburu-pemburu juga menyebabkan hidupan liar menjadi berkurangan terutama sekali hidupan liar dan burung liar yang boleh dimakan oleh semua kaum dalam negara kita ini seperti rusa, kijang, pelanduk dan lain-lain lagi.

Orang-orang yang memburu mendapat senapang pula menembak apa sahaja jenis burung hinggakan buruk merbuk pun mereka tembak kerana belajar menembak dan mahu memahirkan sasaran dan apabila mereka telah mahir, mereka juga tidak ada bezanya dengan pemburu-pemburu yang telah mahir, akan membunuh hidupan liar dan burung liar tidak kira hidupan liar itu betina atau jantan atau yang sedang mengandung atau yang sedang bertelur. Walaupun menembak hidupan liar betina menjadi satu kesalahan daripada segi undang-undang, tetapi raereka ini pandai dan dapat melepaskan diri daripada tindakan pihak berkuasa. Ada sebahagian pemburu-pemburu sama ada berlesen atau tidak berlesen tidak memikirkan kepentingan generasi akan datang. Mereka akan menembak apa sahaja hidupan liar. Apa yang mereka fikirkan pemergian mereka memburu.

**Tuan Yang d-Pertua:** Yang Berhormat, kita tidak ada cukup kuorum. Boleh tunggu sebentar.

**[Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih dari 10 ahli hadir]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif:** Ada sebahagian pemburu-pemburu sama ada berlesen atau tidak berlesen tidak memikirkan generasi akan datang, mereka akan menembak apa sahaja hidupan liar,

apa yang mereka fikir pemergian mereka memburu mestilah mendapat hasilnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 50an dahulu di mana ketika itu tidak ramai orang awam memiliki senapang kalau kita berjalan di waktu malam dari Kuantan ke Kuala Lumpur umpamanya kita boleh melihat rusa, pelanduk dan lain-lain lagi hidupan liar melintasi jalan raya dan kalau pergi ke kampung-kampung di piaggir bandar kita juga boleh melihat burung punai berterbangan, kita dapat dengar ayam hutan berkokok tetapi sekarang ini tidak kedapatan lagi ini semua disebabkan oleh pemburu-pemburu dan pengguna pembangunan tanah sebagaimana yang saya katakan tadi untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyentuh Akta ini, saya ingin menyentuh Fasal 10. Fasal 10 bertujuan memasukkan Seksyen baru 17A memberi kuasa kepada seorang pegawai dengan bantuan polis mendirikan sesuatu rintangan atau sekatan jalanraya bagi maksud menahan sesuatu kenderaan untuk diperiksa jika dia mengesyaki bahawa sesuatu kesalahan di bawah Akta telah dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini sangat baik bagi melindungi atau bagi menyekat mereka yang suka menggunakan senjata api dan berbagai-bagai lagi untuk membunuh hidupan liar tetapi apa yang saya dapat tahu untuk menyekat dan mengawal kejadian jenayah atas hidupan liar ini saya dapati pegawai-pegawai penguatkuasa amatlah berkurangan di tiap daerah. Jadi saya cadangkan supaya Akta ini dapat dijalankan dengan berkesannya pihak Keraenterian haruslah memikirkan tentang penambahan pegawai-pegawai penguatkuasa.

Contohnya satu daerah saya dapati hanya ada tiga, empat orang sahaja penguatkuasa, bagaimanakah jika ianya hendak dijalankan penguatkuasa dengan berkesan dengan mempunyai pegawai yang seramai itu. Oleh sebab itu saya mencadangkan Kementerian mengkaji untuk menambah pegawai-pegawai penguatkuasa.

Fasal 14, dalam peruntukan ini bertujuan untuk memperuntukkan satu lesen dikehendaki untuk mengimport atau mengeksport sebahagian daripada binatang liar yang dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya lesen untuk mengeksport hidupan liar ini hendaklah dihadkan bilangannya dan begitu juga bilangan barang-barang yang hendak dieksport kita tidak mahu nanti apabila banyak lesen dan tidak dihadkan bilangan hidupan liar yang hendak dieksport itu akan ratnailah orang awam akan mencari barang atau hidupan liar sama ada burung dan berbagai-bagai untuk dijual kepada pengeksport. Jadi ini juga boleh menambah mengurangkan hidupan liar di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Fasal 16 mengenai memberi kuasa kepada Menteri menetapkan syarat-syarat berhubung dengan pemberian permit dan permit khas. Saya juga sebagaimana rakan-rakan saya tadi mengharapkan supaya permit khas ini diberi kepada masa ketika yang tertentu sahaja dan bilangan-bilangan hidupan liar yang hendak ditangkap mestilah dihadkan juga tidak sesuka hati. Kita tahu apakah tujuan Akta ini diadakan dan kita juga patut menyokong tetapi had bilangan hidupan liar ditangkap itu mestilah ada hadnya.

Fasal 23., seksyen ini menghendaki seorang yang ingin membuat penyelidikan hidupan liar mendapat kebenaran bertulis. Saya juga bersetuju dengan rakan-rakan saya supaya permit khas ini untuk buat penyelidikan hanyalah diberikan kepada institusi-institusi penyelidikan seperti universiti untuk tujuan membaikpulih atau membiak hidupan-hidupan liar, tidak diberi kepada badan-badan atau persatuan-persatuan untuk menyelidiki bagaimana mereka hendak pergi menembak, memudahkan mereka hendak pergi menembak.

Fasal 30 adalah bertujuan untuk menjadikan kesalahan jika seseorang menembak atau membunuh seekor badak dan lain-lainnya. Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawasanya hidupan-hidupan liar seperti badak, harimau belang dan harimau dahan ini makin sehari makin pupus. Saya raencadangkan supaya hukuman yang dikenakan kepada mereka yang memburu atau yang membunuh atau yang menembak binatang-binatang ini supaya dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada \$10,000 dan tidak melebihi \$50,000. Begitu juga dikenakan penjara tidak kurang daripada tiga tahun dan tidak lebih daripada lima tahun. Dengan hukuman-hukuman yang berat ini pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, maka mereka akan takut untuk membuat sesuatu atau membunuh binatang-binatang yang dinyatakan di dalam Akta ini. Dengan ini, dengan sendirinya kita dapat melindungi hidupan-hidupan liar seperti yang dinyatakan di dalam Akta ini.

Kasal 34, 35 dan 36 ada mperuntukkan bahawa menembak dan mengambil dan sebagainya dengan menyalahi undang-undang hidupan liar yang diperlindungi, jenis betina hidupan liar yang diperlindungi atau hidupan liar yang diperlindungi yang tidak matang atau sebahagian daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, pemburu-pemburu ini amat pandai. Mereka tidak kira apa jenis jantina hidupan-hidupan liar ini. Sebagaimana yang saya katakan terlebih awal tadi mereka akan memburu apa sahaja dan mereka pandai. Jika sekirariya mereka menembak hidupan liar betina yang menjadi kesalahan, mereka potong kepala,, potong kaki dan membuang barang-barang yang boleh menentukan jantina seseekor hidupan liar itu. Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya jika didapati ada orang-orang membawa daging hidupan liar walaupun mempunyai lesen hendaklah dianggap yang telah membuang barang-barang sepertimana yang saya katakan tadi hendaklah dianggap sebagai jantainya adalah betina supaya dapat dihukum sebagaimana mengikut kehendak Fasal 34, 35 dan 36 ini, sebab mereka ini pandai, mereka buang kulit, buang kaki, buang kepala supaya kita tidak kenal jenis jantina seseekor binatang itu.

Fasal 40 Tuan Yang di-Pertua. Pada masa sekarang Kerajaan mengeluarkan lesen memburu kalau tidak salah saya tiga bulan dalam masa setahun.

Saya rasa pengeluaran ini sangat lama dan tidak seharusnya setahun sekali kalau kita benar-benar ingin melindungi hidupan liar dan burung liar ini. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya lesen untuk pemburuan int sama ada hidupan liar atau burung liar hendaklah diberi tiga tahun sekali dan selama satu bulan pada masa kebenaran tahun-tahun yang berkenaan, dan janganlah pihak yang berkenaan mengeluarkan banyak sangat lesen - ada 'pemburu' pandang dekat saya dalam Dewan ini, marah, kerana menyekat hobby mereka. **[Ketawa]** Tetapi kalau kita hendak benar-benar melindungi hidupan liar, ini perlu dibuat supaya dengan adanya tnsa yang begitu lama, baru boleh pemburu-pemburu ini memburu hidupan liar ini maka dengan sendirinya hidupan liar boleh membiak dalam masa tiga tahun.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap apabila Akta ini diluluskan nanti pihak yang berkenaan hendaklah melaksanakan Akta ini betsungguh-sungguh tanpa memilih bulu.

Dengan itu, Tujan Yang di-Pertua, 535. menyokong. Terima kasih..

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**4.48 ptg.**

**Puan Habidah binti Jusoh:** Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-saraa menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 yang mana Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) 1987.

Saya hanya akan mengambil masa yang sedikit sahaja oleh kerana ramai lagi nampaknya rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini yang akan memberi pandangan dan fikiran mereka berkenaan dengan pindaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan kerana ianya bukan sahaja memberi gambaran kepada umum sebagai sebuah negara yang benar-benar menjaga kewibawaan tradisi negara kita. Sekalipun kepesatan pembangunan begitu terasa namun bahan-bahan asli menjadi milik warisan tradisi bangsa tetap dijaga, dikawal dan dipertahankan untuk menjadi keagungan negara kita.

TuanYang di-Pertua, pada hemat saya hidupan liar adalah berkaitan rapat dengan konsep pembangunan fizikal yang berlaku secara mendadak dan berleluasa di seluruh negara tanpa menghiraukan warisan hidupan liar yang diam di dalamnya. Oleh itu Jabatan Hidupan Liar perlulah diberi kuasa bagi meluluskan satu projek pembersihan hutan atau lain-lain yang hendak dimusnahkan Itu agar ianya dapat menjaga dan mengubah binatang-binatang hidupan liar dari pupus ditelan pembangunan.

Demikian juga pembersihan alam sekitar memberi kita suatu gambaran di mana air sungai yang dahulunya bersih, sejuk dan jernih, kini teiah keruh pekat dan tidak memberangsangkan dan ini semua adalah melambangkan kecuiaan kita mempertahankan kewibawaan atau 'survival', dengan izin, negara ini. Untuk itu, perlulah ditingkatkan lagi jawatan-jawatan pegawai-pegawai yang raenjaga dan mengawal hidupan liar ini supaya setanding dengan pegawai-pegawai yang membicarakan hal-hal pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyarankan agar pegawai-pegawai Jabatan yang berkenaan diberi kursus yang raendalam mengenai pengawalan, penjagaan dan pengawasan hidupan liar itu biarlah setanding dengan pegawai-pegawai yang sama di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita menyekat pupusnya hidupan liar, seelok-eloknya Jabatan ini mengadakan ternakan sendiri yang benar-benar berfungsi menjaga hidupan liar. Untuk mengembangkan projek pelancongan, saya juga menyarankan agar ditubuhkan atau disediakan kawasan perburuan yang dikawal rapi dari segala perkara yang mendatangkan kemusnahan hidupan liar secara mendadak itu. Saya berharap Dewan yang raulia ini tidak memandang remeh dalam perkara yang kita bahaskan pada hari ini.

Oleh kerana hidupan liar ini ataupun haiwan itu adalah satu makhluk Allah yang perlu diberi perhatian dan perlindungan oleh kita sebagai insan yang kamil ataupun insan yang mulia yang mana kita sedia maklum Tuhan sendiri telah menegaskan di dalam Surah At Tiin yang bermaksud, "sesungguhnya kami jadikan manusia itu seelok-elok kejadian". Maka sebab itulah perlu diberi perlindungan dan

memanglah sesuai benar Akta Perlindungan Hidupan Liar ini dipinda kerana kalaulah kita perhatikan kepada suruhan Islam agama yang maha suci, iaitii kalau kita hendak menyembelih seekor binatang itupun perlu kita lakukan dengan secara yang baik, sebagaimana Hadis Nabi yang bermaksud, "sekiranya kamu hendak menyembelih satu sembelihan, hendaklah dilakukan dengan cara yang baik dan hendaklah kita gunakan pisau yang tajam dan hendaklah kita merehatkan binatang yang kita hendak sembelih itu". Maka kenapa tidaknya perlu kita lakukan juga kepada binatang-binatang yang lain yang ada di dalam dunia ini, khususnya di dalam negara kita yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Fasal 30, iaitu seksyen baru 64A yang mana di sini ada menyebutkan:

"Walau apapun peruntukan dalara Akta ini, tiap-tiap orang yang dengan menyalahi undang-undang menembak, membunuh atau mengambil seekor badak kerbau, harimau belang atau harimau dahan atau sebahagian daripadanya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabiia disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun".

Di dalam peruntukan ini saya ingin menuntut faham dari Kementerian yang berkenaan, apakah kalau harimau dahan itu menjadi seterus kepada penduduk kampung, seperti memusnahkan ternakan ayam itik dan sebagainya atau misalnya tupai menebuk kelapa dan sebagainya, kemudian ianya ditembak, adakah ini akan dikenakan dendaan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, memang berhubung dengan hukuman atau penalti yang lebih berat lagi ke atas mereka yang menganiayakan

binatang ataupun hidupan liar ini adalah dialu-alukan, tetapi kalaulah sebagaimana "saya katakan tadi, ia menjadi seteru kepada kita semua, adakah hukuman ini juga akan dikenakan? Oleh itu perlulah pihak Kerajaan memikirkan, saya cadangkan supaya projek kawasan perburuan ini ataupun sebagaimana yang saya sebutkan sebentar tadi dijadikan sebagai satu penswastaaan ataupun kawasan yang benar-benar sesuai untuk menjaga hidupan, tiar dan kawasan hutan yang terjaga, sebab kalaulah terlampau kuat pengawalan Kerajaan di dalam bidang **ini**, maka hasil negara kita akan turut berkurangan. Seandainya satu-satu kawasan penjagaan hidupaa Liar itu diswastakan, sudah pasti akan raendatangkan hasil yang bukan sahaja dari segi pelancongan bahkan juga dari aspek perburuan yang akan menambahkan lagi khazanah negara.

Tuan Yang di-Pertua, bertolak dari projek penswastaaan ini maka akan lebih ramai lagilah para penganggur raendapat peluang pekerjaan, di samping kemampuan Kerajaan di dalam mengendalikan hal ini akan lebih baik dan roemberi manfaat.

Dengan **ini**, Tuan Yang di-Pertua, saya, pohon menyokong Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) 1987 diluluskan, Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Hajjah Rosnah.

**4.58 ptg.**

**Puan Hajjah Rosnah biati Haji Mohd Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sedikit pandangan menyokong Akta Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) 1987.

Kita sama-sama faham bahawa dengan adanya pindaan-pindaan tersebut kita akan dapat mengatasi kehilangan habitat binatang dan burung-burung liar yang dilindungi yang kini semakin pupus. Kita juga mempunyai undang-undang dan peruntukan-peruntukan yang lebih

berkesan boleh dijalankan oleh Pegawai-pegawai Mergastua dan Polis sama ada dengan sekatan jalan raya dan pemeriksaan kenderaan atau pesalah-pesalah boleh dihadapkan ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, binatang-binatang seperti badak kerbau, harimau belang atau harimau dahan dan burung-burung liar yang dilindungi makin berkurangan di negara kita. Spesis-spesis yang berkenaan selalu sahaja terancam oleh pemburu-pemburu kerana apabila seseorang pemburu atau sekumpulan pemburu pergi memburu, perkara penting bagi mereka ialah untuk mendapat buruan yang mereka hajatkan tanpa memikir sama ada binatang-binatang dan burung-burung tersebut dilindungi atau tidak.

Memburu menjadi satu hobi kepada orang-orang tertentu. Selalunya di kawasan-kawasan luar bandar terdapat di ruraah-rumah yang dihiasi dengan kepala-kepala dan tanduk rusa, kulit harimau, gading gajah sebagai satu hiasan dan juga lambang kehandalan seseorang pemburu itu,

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 6 Akta-ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan 'terafi' yang terdapat dalam perenggan (c), perkataan-perkataan 'senjatapi, peluru, perangkap, jerat, umpan, umpan beracun'.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sekarang untuk menangkap burung digunakan keset pula. Bunyi-bunyi burung itu dirakam dan dibunyikan. Jadi burung-burung hidup yang dengar bunyi tersebut menganggap yang berbunyi itu kawaa-kawan mereka lalu terbang ke tanah dan termasuk perangkap. Burung-burung tersebut ditangkap hidup-hidup,

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan lesen permit atau permit khas, saya berharap supaya perkara ini akan diselaras dan dilaksanakan dengan berkesan kerana ramai pemburu-pemburu yang keluar berburu tanpa permit, kadangkala mereka hanya raengikut kawan-kawan ke hutan, bersuka-suka dan berseronok-seronok sahaja, kerap kali juga terjadi peristiwa ngeri iaitu pemburu tectembak kawan sendiri yang disangka-nya binatang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kawasan rizab hidupan liar patutlah diletakkan papan tanda supaya orang ramai, terutama pemburu-pemburu akan tahu bahawa mereka tidak dibenarkan memburu, menembak, menjerat dan sebagainya dengan denda-denda yang telah

ditetapkan. Binatang-binatang dan burung-burung liar itu amat perlu habitat yang sesuai untuk membiak. Jika kawasan tersebut dicemari ataupun pohon-pohon dan kayu kayan ditebang sudah tentu akan terjejas keadaan dan persekitaran alam semula jadi. Pencemaran ini akan mempengaruhi pembiakan binatang-binatang dan burung-burung liar. Tambahan pula, kalaulah banyak burung-burung betina yang terkena tembak, tentulah spesies ini akan pupus.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh nafi bahawa manusia boleh mencari rezeki dengan binatang dan burung-burung tetapi biarlah perkara ini dilakukan dengan ada aturan dan peraturan. Kadang-kadang orang ramai tidak tahu adanya undang-undang yang melindungi hidupan liar. Jadi, kita berharap selepas Rang Undang-undang ini diterima, ianya mestilah dihebahkan kepada masyarakat melalui media massa yang ada sekarang. Ini memberi pengetahuan kepada orang awam dan kesedaran kepada pemburu-pemburu yang sesuka hati menembak apa-apa sahaja yang mereka sukai.

Dengan pembangunan yang pesat juga telah mempengaruhi pembiakan hidupan liar. Usaha-usaha untuk membiakkan hidupan liar mestilah digalakkan oleh pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kawasan-kawasan rizab hidupan liar itu perlu diawasi dan diperbaiki dan dapat dijadikan tempat-tempat persinggahan atau lawatan yang dapat dilawati oleh manusia. Mungkin di hujung-hujung minggu sesuatu keluarga dapat datang berkelah di samping dapat melihat binatang-binatang dan lain-lain.

Sehubungan dengan Akta Hidupan Liar, Tuan Yang di-Pertua, di Perlis terdapat sebuah taman ular yang kedua besarnya di Tenggara Asia. Kajian, penyeliaan, pembelaan ular-ular sedang dijalankan.

Baru-baru Ini saya terbaca dalam akhhar bahawa taman ular itu akan dipindahkan ke Selangor. Saya amat berharap supaya taman ular itu dapat dikekalkan di Perlis kerana ianya bukan sahaja menjadi pusat penyelidikan ular tetapi juga menjadi tacikan kepada pelancong.

Di Malaysia terdapat tempat-tempat strategik yang mempunyai keindahan alam semulajadi dengan sungai mengalir, pohon-pohoa yang mengijau dengan burung-burung berkicauan yang amat Indah dipandang yang boleh mententeramkan fikiran. Malaysia adalah sebuah negara yang indah dengan pohon-pohonnya yang hijau, bukit-bukau yang tersergam dan cuaca yang cerah, lembab dan basah menjadi penarikan yang unik dengan ditambah pula dengan hidupan-hidupan liar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya menyokong Akta Hidupan Liar (Pindaan) 1987. Terima kasih.

### **5.05ptg.**

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, bersama-saraa dengan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Rang Undang-undang Akta Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua, manusia atau nama saintifiknya Homo-sapiens merupakan mamalia jenis istimewa yang dikurniakan dengan kebijaksanaan akal yang harus digunakan sepenuhnya bagi faedah manusia sejagat tetapi oleh sebab sikap terlalu meraentingkan diri serta lain-lain sikap yang tidak di.ingini, banyak kebijaksanaan telah disalahgunakan sehingga keindahan alam, persekitaran kita hampir terpusus, binatang-binatang atau burung-burung liar dibunuh dengan sesuka hati, terutamanya oleh penghuni-penghuni di kawasan-kawasan terpencil yang berhampiran dengan hutan. Hutan rimba dibuka

sewenang-wenangnya. Dahulu terdapat masalah pelarian Vietnam, kini kita pun menghadapi masalah pelarian hidupan liar kerana tempat perlindungan semula jadi mereka terancam. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan yang bijak atas memperketatkan Undang-undang Hidupan Liar demi menjaga dan melindungi keindahan alam semula jadi tanahair yang tercinta ini.

Pada pandangan saya, mereka yang terbabit dalam kesalahan tersebut harus didenda atau dihukum dengan berat kerana dianggap tidak berperikemanusiaan, menganiayai hidupan liar serta mengancam keseimbangan dan keindahan alam.

Tuan yang di-Pertua, selain daripada itu, saya rasa langkah-langkah berikut juga boleh diambil bagi mencapai hasrat Kerajaan demi melindungi hidupan liar.

- (i) melalui pendidikan dan media massa untuk menyedarkan rakyat tentang pentingnya melindungi keindahan alam serta mencintai kehidupan liar;
- (ii) wujudkan lebih banyak taman-taman negara serta kawasan-kawasan hutan simpan supaya hidupan liar merapunyai tempat perlindungan yang mencukupi. Pada masa yang sama satu undang-undang kecil bagi menghadkan kegiatan pelawat-pelawat juga harus dibuat demi melindungi hidupan liar dan menjaga keindahan alam semula jadi;
- (iii) memperketatkan kegiatan pemburu di samping menghadkan penyaluran lesen peraburuan, masalahnya waktu pemburuan, jenis senjata yang digunakan, bilangan dan jenis binatang pemburuan serta memerlukan lesen kelulusan

setiap kali bila seseorang itu hendak memburu. Langkah-langkah ini adalah baik dan bertaedah juga bagi pemburu-buru supaya mereka tidak lagi menembak sesama sendiri seperti yang sering berlaku. Dengan cara ini, saya yakin kita akan dapat mengikis dan menghapuskan sikap ketamakan manusia atas peraburuan tersebut.

Sekian ucapan saya, dan saya menyatakan sokongan saya atas Akta Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) 1987. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tengok Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong sudah sedia. Sila Yang Berhormat.

**5.10 ptg.**

**Tuan Lau Keng Siong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih oleh kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Akta diuamakan Akta Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) 1987 ini..

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini patut diubah lebih awal oleh kerana mauusia patuh sahaja kepada undang-undang. Katau tidak ada undang-undang yang keras, manusia tidak takut. Jadi tiap-tiap pemburu mesti ada senjatapi tnereka masing-masing apabila masuk ke hutan mereka tidak fikir binatang-binatang ini liar yang dilindungi oleh Kerajaan Malaysia kita. Masing-masing dengan sesuka hati sahaja angkat senapang, tembak. Jadi makin lama saya fikir binatang-binataug yang kita kasihi sampai hari ini langsung ada binatang-biaatang tidak lagi kelihatan. Namun begitu saya fikir dengan adanya undang-undang ini dipinda, saya fikir sudah sampai masanya negara kita yang ,ada binatang liar yang kita cintai, langsung tidak ada. Jadi kalau kita tengok di Zoo Negara kita hanya ada tinggal beberapa jenis binatang-binatang liar sahaja yang mana tidak dapat kita lihat saya fikir semuanya telah ditembak oleh pemburu-pemburu yang tidak bertanggungjawab.

Saya fikir sudah sampai masanya bagi Kerajaan kita mengambil satu langkah apabila pemburu-pemburu ini hendak membaharui .lesen senjatapi mereka mesti dituliskan dalam lesen itu apa jenis binatang liar boleh ditembak. Apa jenis binatang tidak boleh ditembak. Jadi

kalau mereka tidak patuh kepada undang-undang tersebut, terus bawa mereka dan dakwa di mahkamah dan hukum.

Tetapi ada satu perkara saya fikir Kerajaan tidak dapat kawal apabila mereka masuk ke hutan siapa pun tidak nampak. Di situlah mereka buat sesuka hati apa yang mereka hendak buat. Pada masa sekarang kalau kita tengok ada banyak pemburu-pemburu masih tembak rusa-rusa. Jadi makin lama saya fikir binatang liar ini langsung habis. Jadi mengapa pemburu-pemburu ini tidak patuh kepada undang-undang ini. Ini adalah oleh sebab undang-undang kita tidak keras. Kalau apabila undang-undang ini sudah dipinda saya harap Menteri yang berkenaan boleh sentiasa kawal tetnpat-tempat pemburu pergi. Dan dengan itu kalau boleh tindakan dengan serta merta boleh diambil, barulah perkara ini boleh diatasi. Kalau kita cakap atas kertas sahaja Rang Undang-undang diluluskan, tetapi tidak mengambil tindakan langsung pun tidak berguna. Tidak berguna, tidak guna langsung tidak guna! **[Ketawa]**

Jadi manusia, tadi saya sudah cakap, mereka semua patuh kepada undang-undang. Bila senjatapi mereka sudah dirampas baru mereka berasa, "saya sudah salah". Kalau tidak, siapa pun tidak mengaku salah melainkan pergi ke tnahkamah, di hadapan Tuan Hakim, bila putus, baru mengaku salah.

Tuan Yang di-Pertua, kita pun kasihan tengok manusia begitu jahat. Tetapi itu sebahagiannya. Kadang-kadang ada binatang-binatang liar apabila ditangkap hidup-hidup mereka ikat tangan dan kaki. Jadi di atas ini kepala buka satu lubang dihisap otak. **[Ketawa]** Jadi perkara ini pun berlaku. Tetapi saya fikir di negara

Malaysia kita perkara ini jaratig berlaku. Kalau di Hong Kong dan lain-lain negara perkara seperti ini biasa berlaku. Sungguhpun ada orang hisap darah ular, ada juga. Jadi kejahatan ini dilakukan oleh sebahagian manusia. Macam mana kita hendak cakap saya pun tidak tahulah. Terpulanglah kepada Kerajaan masing-masing.

Saya harap pada masa yang akan datang, apabila Akta ini sudah diluluskan pemburu-pemburu sentiasa akan ambil perhatian atas perkara ini,

Saya harap Kementerian yang berkenaan sebentar nanti kalau habis semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini sudah habis bahas saya minta pihak Kemeuterian yang berkenaan boleh memberi keterangan dengan lebih jelas kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini. Dan dengan ini saya tnohon menyokong penuh Akta Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) 1987 ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yatig Berhormat Tuan Koh Im **Pin**.

**5.16 ptg.**

**Tuan Koh Im Pin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh Akta Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua, .di negara kita ada berbagai-bagai jenis burung-burung dan binatang-binatang liar yang bermutu tinggi. Daging binatang liar adalah lemak dan manis. Daging rusa dan kijang dijual dalam pasaran berharga \$25.00 sekilo. Tanduk rusa dan kepalanya jika diawet dapat dijual di pasaran dengan harga \$2,000. Yang hairan jika diawet, dijual pasaran adalah berharga \$500 seekor dan lain-lain lagi. Jika kita tidak mengambil langkah-langkah untuk melindungi burung-burung dan binatang-binatang liar, ia boleh

menjadi pupus kerana kebanyakan pemburu telah memburu dengan tidak mengikut undang-undang.

Saya harap pihak berkuasa dapat mengambil tindakan untuk melindungi binatang-binatang berkenaan dan juga hutan yang ada di negeri-negeri serta Taman Negara supaya binatang-binatang liar dapat terus hidup dalam hutan simpan.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat tahu lesen hak milik senjatapi untuk menjaga keselamatan diri dan harta benda atau untuk menghapuskan musuh-musuh tanaman sahaja adalah tidak boleh digunakan untuk memburu. Senjatapi untuk ahli-ahli RELA pun tidak boleh digunakan untuk, memburu. Tetapi mereka yang berkenaan yang tidak memiliki lesen telah pergi memburu tidak mengikut musim. Akibatnya terdapatlah hutan-hutan yang tidak kelihatan ada binatang-binatang liar dan burung-burung lagi.

Tuan Yani di-Pertua, lesen hak milik senjatapi terhad untuk memburu atau game-bird yang lesennya boleh dibayar kepada Jabatan Perlindungan hidupan Liar dan Taman Negara.

Lesen-lesen meraburu ialah seperti berikut:

- (i) lesen babi hutan setahun \$100 dan adalah tidak terhad.
- (ii) lesen rusa \$50 seekor dan kijang \$25 seekor.

Kedua-dua binatang tersebut hanya boleh diburu pada 1hb Oktober hingga 30hb November dan anak-anak binatang-binatang tersebut yang belum cukup besar adalah tidak dibenarkan dibunuh atau ditembak. Lesen burung setahun adalah \$20.00. Burung punai hanya dibuka untuk menembak pada bulan September sahaja. Hakmilik senjata-pi yang tidak boleh memburu dan ada sebilangan ahli-ahli RELA yang membayar kepada pihak yang berkenaan sebulan \$10.00 untuk memburu babi hutan secara haratn juga.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga segolongan pegawai seperti polis dan askar, mereka pergi memburu dan menembak burung tanpa lesen dan tidak mengikut musim disebabkan mereka mempunyai pangkat yang tinggi. Pihak berkuasa tidak mengupaya untuk menangkap mereka. Saya berharap pihak berkuasa dapat mengambil tindakan yang tegas ke atas perkara tersebut dengan memberitahu jabatan mereka iaitu jika bukan musim memburu, mereka adalah tidak dibenarkan untuk membuat demikian. Mereka yang berpangkat tinggi mesti memberi contoh kepada orang-orang lain supaya tidak melanggar undang-undang pindaan Akta Perlindungan Hidupan Liar.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya mendapat tahu dari pihak berkuasa mengenai jumlah lesen senapang patah yang telah dikeluarkan iaitu sehingga 30hb Jun, 1987 ialah sebanyak 121,700 lesen. Dari jumlah tersebut, 114,777 lesen telah dikeluarkan kepada

orang perseorangan dan 6,923 lesen pula telah dikeluarkan kepada ahli-ahli RELA, manakala jumlah lesen metnburu yang telah dikeluarkan iaitu sehingga 30hb Jun, 1987 ialah sebanyak 53,687 lesen. Memandangkan jumlah lesen senjatapi yang begitu banyak telah dikeluarkan, ini merupakan satu ancaman besar terhadap hidupan liar. Oleh itu, kita harus mengadakan satu Akta Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua, rakan saya ada kata, Melayu ada ubat tradisi 'Tongkat Ali untuk badan kuat. Orang Cina pun ada juga banyak ubat tradisi. Oleh itu saya harap orang-orang Tionghua tidak payah lagi makan darah ular atau lain-lain hidupan liar lagi.

Akhir sekali, saya menyokong penuh ke atas pindaan Rang Undang-undang iaitu Akta Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) 1987. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormt Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah.

**5.25 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta bagi meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 yang dinamakan Akta Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah kita lihat kepada Bil yang disediakan ini menunjukkan bahawa Akta yang ada 1972 itu banyak kekurangannya dan pindaan baru ini adalah untuk melengkapkannya kepada yang lebih baik. Daripada Fasal 2 hingga 97 khusus untuk memberi penjelasan yang lebih luas, kuasa yang lebih luas dan tugas-tugas yang lebih luas kepada pihak yang bertanggungjawab. Fasal 43 dan 97 khusus mengenai penalti dan yang lain-lain itu perkara-perkara yang kecil.

Dalam menyokong pindaan undang-undang ini, saya sukalah menyebutkan beberapa perkara yang dicatatkan di dalam Bil ini. ialah dalam Fasal 3 DEF adalah menguatkan lagi undang-undang ini kepada lebih nyata. Maksudnya ialah daripada menggunakan alat-alat pemburuan seperti jerat yang berdawai ataupun menggunakan racun supaya hukuman yang lebih berat diberikan kepada yang melanggar undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli Yang Berhormat bercadang supaya lesen pemburuan dikeluarkan tiga tahun sekali dalam jangka masa sebulan sahaja adalah bertujuan untuk mengurangkan pemburu-pemburu menjalankan aktivitinya yang kalau tidak disekat mungkin akan ada kehidupan liar yang langsung pupus seperti yang banyak dinyatakan oleh rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Untuk menjalankan ini semua tentulah memerlukan satu kuasa yang lebih luas seperti dalam Akta ibu yang dahulunya ialah perkataan 'Mergastua'. Mergastua dipinda kepada Hidupan Liar dan Taman Negara dan sama ada Pengarah, Timbalan Pengarah ataupun Pegawai-pegawai bawahan adalah atas tajuk sebagai Pegawai Hidupan Liar dan Taman Negara, kalau dahulunya dikenal sebagai Pegawai Mergastua. Di sini ada satu pindaan yang lebih nyata kerana negara kita telahpun begitu mengambil berat kepada hidupan liar ini dengan menyediakan Taman-taman Negara, umpamanya negeri Pahang dan baru-baru ini negeri Johor dan sudah mengikat perjanjian dengan Kerajaan Pahang untuk mewujudkan satu lagi Taman Negara Endau-Rompin.

Jadi, kalau undang-undang yang telah dipinda tentulah kuasa pegawai-pegawai itu hanya setakat Mergastua sahaja tetapi tidak kepada Taman Negara yang sekarang ini dipanggil PERHILITAN. Bukan sahaja binatang liar tetapi semua perkara yang berkaitan yang ada di dalam Taman Negara itu adalah menjadi tanggungjawab kepada Jabatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, banyak kuasa-kuasa telah dinyatakan dengan sah tadi seperti mengadakan waran tangkap, mengadakan sekatan jalan, kalau kita ayak boleh tangkap, tidak ada apa persoalan, kalau undang-undang yang lama tidak dapat berbuat demikian kerana undang-undang yang ada tidak membolehkannya.

Menyentuh kepada pemburu-pemburu yang banyak disebutkan tadi, saya juga merasa bahawa peraburu-pemburu haram ini memanglah berleluasa sangat. Selain daripada pemburu haram terdapat juga orang yang menggunakan cara lain seperti memasang jerat, meracik dan lain-lain. Saya tak faham sama ada Jabatan PERHILITAN ada mengeluarkan lesen kepada orang yang menggunakan racik, jerat dan lain-lain ini. Yang saya tahu ialah kepada pemburu-pemburu yang ada senjatapi sahaja yang dike Luarkan. Saya rasa kalau tidak ada sepatutnyalah Jabatan ini mengeluarkan lesen kepada mereka kerana kalau kica tidak keluarkan lesen, mereka menjalankan kegiatannya juga dan kita tidak dapat hasil untuk menampung atau menambah wang negara. Kalau kita kenakan lesen dan beri satu peraturan undang-undang yang ketat, saya rasa dila dapat menggunakan Lesen itu dengan mengikut sepertimana yang telah digariskan seperti juga pemburu-pemburu halal yang mengambil lesen, yang telah ada peraturannya, kecualilah pemburu-pemburu haram tadi.

Penguatkuasa para pegawai. Memang benarlah apa yang saya fahami pegawai ini sangat berkurangan khususnya di negeri Johor yang saya rasa masih banyak kawasan-kawasan hutan di mana binatang-binatang hidupan liar ini berkeliaran tetapi pengawalan, penjagaan perkara ini amat kurang yang menyebabkan banyak pemburu-pemburu haram ini menjalankan aktiviti mereka pada waktu malam.

Di satu daerah hanya ada beberapa orang sahaja pegawai-pegawai PERHILITAN ini ditempatkan di situ. Kalau ada kes-kes yang berlaku, misal kata seekor gajah liar masuk ke kawasan perkampungan, memusnahkan tanaman, kita hendak mendapatkan pegawai ini datang terpaksa memakan dua, tiga hari. Kalau seekor gajah masuk kawasan kebun dia boleh menghabiskan satu malam hampir 7-8 ekar tanaman pisang, kalau dua, tiga hari saya rasa petani-petani di kawasan berkenaan itu terus tidak mendapat apa-apa hasil daripada tanaman yang telah ditunggunya berbulan-bulan lamanya. Ini saya katakan berlaku di rancangan FELDA. Gajah-gajah liar ini telah memusnahkan satu skim atau satu-satu rancangan lebih 30 - 40 ekar. Ini bukan pokok yang baru ditanam, Tuan Yang di-Pertua, ini pokok yang telah 15 - 16 tahun umurnya, ditumbang oleh gajah-gajah liar ini dan diambil umbutnya untuk dimakan. Bila kita hubungi pegawai-pegawai yang berkenaan kita terpaksa menunggu dua, tiga hari, barulah pegawai datang Bukan kerana mereka tidak mengambil berat tetapi kes-kes yang berlaku khususnya di rancangan FELDA ini banyak sangat. Walaupun ada usaha-usaha menjauhkan gajah-gajah liar ini dengan menggunakan pagar elektrik, menggali lubang yang dalam tetapi hasilnya tidak juga dapat mengatasi masalah kerosakan-kerosakan tanaman di rancangan-rancangan FELDA khususnya di negeri Johor ini.

Saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri, di "Ugusan Taib Andak" di Johor ada satu kawasan lebih kurang 20,000 ekar. Pada satu masa dahulu kawasan itu dimajukan oleh pihak swasta untuk mengadakan ladang tebu dengan sebuah Syarikat Johor Sugar, dengan izin. Waktu hutan ini ditebang segala hidupan liar di kawasan ini terancam termasuklah gajah-gajah yang lebih 30 ekor banyaknya di kawasan itu terancam hidupnya, tetapi agak saya gajah-gajah ini pun sama macam kita manusia, berdoa juga agaknya kepada Allah s.w.t. supaya kawasan dia tidak terancam dan dia boleh hidup di situ untuk selama-lamanya. Saya rasa buat sementara doanya di-kabulkan. Projek Johor Sugar itu terbengkalai dan pokok-pokok mulai naik menjadi belukar dan hutan kecil. Tauke ataupun pemaju ladang ini kerana kerugian yang amat sangat ini akhirnya menggantung diri di Singapura. Saya rasa ini mungkin berkat doa gajah ini tadi.

Sebenarnya doa itu tldak kekal. Akhirnya tanah ini diambil oleh Kerajaan Negeri walaupun Kerajaan Negeri menghadapi dua kali kes yang dibawa ke Mahkamah Tinggi, akhirnya Kerajaan Negeri dapat kawasan ini dan sekarang ini kawasan ini dimajukan sebagai ladang Yayasan Pelajaran Negeri Johor. Dan sekali lagi gajah-gajah ini terancam hidupnya dan inilah saya katakan tadi dia terpaksa masuk ke kawasan perkampungan di Sungai Telor, Kampung Semanggar, FELDA Bukit Ramun, Pasir Raja dan beberapa kawasan FELDA lagi. Kita telah beberapa kali minta pegawai berkenaan ini supaya menghalau ataupun mengalih gajah ini ke Taman Negara di Pahang ataupun di Endau/Rompin, tetapi nampaknya usaha itu masih lagi tidak ada. Jadi, sebagaimana saya katakan tadi pegawai dalam Jabatan ini masih berkurangan dan tidak dapat menjalankan tanggungjawab khususnya sepertimana yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun kita katakan bahawa pindaan undang-undang ini sangat luas dan berkesan tetapi kalau pelaksanaannya disebabkan kekurangan kakitangan pegawai **ini**, saya bimbang kita tidak dapat menjalankan tanggungjawab ini dengan seluas-luasnya berasaskan kepada pindaan yang ada ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemburu-pemburu haram. Ini saya rasa memang susah hendak kita menghapuskan kerana terus terang saya katakan orang yang suka memburu ini bukanlah golongan orang kampung sahaja yang tak beberapa kerat tetapi kebanyakannya ialah orang-orang berada. Orang-orang berada mempunyai senjata bukan satu, **dua**, macam-macam senjata dia ada, macam-macam lesen dia ada, macam-macam kawan dia **ada**. Jadi, inilah yang susah kita hendak mengambil tindakan kerana banyak sangat rintangan-rintangan yang sukar kita hendak jelaskan.

Jadi, ini juga melalui undang-undang ini, saya harap Kementerian berkenan, Jabatan berkenaan akan dapat menjalan tindakan yang sebenar-benarnya, macam juga kita pernah berkata, "Dewan ini kita bertindak mengikut undang-uadang, kita tidak pilih bulu, sama ada ikan bilis, jerung dan siapa sahaja" keculai orang-orang yang dilindungi oleh undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, setakat int sahaja yang dapat saya katakan, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang **ini**, terima kasih.

**Tuan Mustafa bin Awang: [Bangun].**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang berdiri dulu, mahu berucap atau tidak? Kalau tidak, saya edarkan kepada Tuan Haji Shaharom. Yang berdiri tadi, mahu berucap?

**5.41 ptg.**

**Tuan Mustafa bin Awang:** Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun dengan niat untuk turut bersama-sama mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang mengenai dengan pindaan Akta Perlindungan Hidupan Liar L972. Keseluruhan dan sebahagian daripada Ahli-ahli Dewan ini telah bercakap dan berbahas mengenai dengan hidupan liar ini dan menunjukkan sangat simpati kepada semua jenis binatang-binatang ini dan orang yang ditujukan dan semacam dikutuk ialah mereka yang menjadi pemburu.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah seorang pemburu, tetapi apa yang kita bahaskan ini ialah undang-undang yang undang-undang ini tidak menyebelahi mana-mana pihak, bahawa ianya akan wujud dan akan dilaksanakan di tengah-tengah supaya keadilan melalui undang-undang ini akan terdapat di negara kita ini.

Tuan Yang d-Pertua, pada keseluruhannya Fasal-fasal undang-undang ini sebahagian besarnya ialah pada hemat saya penggubal

undang-undang ini belum teliti, belum mempunyai satu perasaan yang sekira-kira undang-undang ini kalau dilaksanakan ianya seolah-olah menggunakan etnosional di dalam negara ini, Saya terpaksa bercakap sedemikian kerana undang-undang ini apabila diluluskan maka saya salah seorang manusia yang menjadi Ahli Dewan akan turut terlibat dan saya tidak mahu bertanggungjawab kepada Allah s.w.t. bahawa saya ini sama-sama membuat dan meluluskan undang-undang.

Antara lain, Tuan Yang di-Pertua, penggubal undang-undang ini sekalipun telah diluluskan di Dewan Rakyat, saya rasa tidak setuju, kalau boleh disebut dengan keluang dan keluang kecil, mengapa di dalam undang-undang ataupun Akta ini tidak disenaraikan jenis-jenis binatang sama ada merayap, berlari, berkaki dua, berkaki empat dengan cara yang jelas supaya ianya tidak menimbulkan segala kekeliruan dan dengan cara itu implikasi politiknya di dalam negara ini tidak akan timbul.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu, barangkali undang-undang yang dahulu pada ini ada menyenaraikan jenis-jenis binatang yang perlu dikawal penuh dan perlu dilindungi oleh undang-undang. Jelas sekali kepada saya Tuan Yang di-Pertua, apabila undang-undang ini akan dilaksanakan mereka yang sangat terasa ialah sebahagian besar manusia yang ada di kawasan pedalaman yang orang-orang 'ini tidak dapat tidak akan merasai betapa undang-undang ini menjadi suatu tekanan kepada mereka. Manusia ini ialah terdiri daripada kalangan Orang-orang Asli yang masih banyak kaumnya lagi, sama ada di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan, apakah manusia ini dikecualikan daripada undang-undang ini? Atau disamaratakan mengikut undang-undang dari segi keadilan? Kalau manusia yang berada di kawasan pedalaman yang tidak tahap dengan aturan dan

peraturan ini sekalipun negara ini sudah merdeka 30 tahun, maka mengapa kita sebagai manusia yang berpengetahuan dan berilmu, sebagai manusia yang menjadi pemimpin sanggup meletakkan dan menggubal undang-undang yang seperti ini, di mana apa yang saya terasa dan saya tidak faham, apakah istilah dalam fasal-fasal yang akhir ada menyebut apabila raereka dihukum \$1,000 dan dijatuhkan hukuman penjara - tidak disebut 'atau'. Barangkali saya bukan pakar undang-undang, tetapi saya memahami hakikat yang sebenarnya bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Kebangsaan negara ini,

Apabila disebut 'dan' maka ertinya bersama-sama. Satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, kalau disebut si A dan si B keluar dari Dewan ini, saya rasa kedua-duanya terpaksa keluar, tidak salah satu. Jadi, dengan sebab itu sebelum saya memutuskan sama ada menyokong 100%, maka saya harap sekali lagi Kementerian yang berkenaan ini, Kementerian yang sungguh-sungguh seni, kerana ianya Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Kementerian yang sangat seni, ertinya ia harus mengetahui kedudukan yang sebenarnya tentang kaum-kaum yang ada di negara ini dan tentang pelajaran dan pengetahuan yang ada pada rakyat di negara ini sebelum sesuatu undang-undang ini di bawah di jadikan undang-undang dan akan menentukan buruk baik, risikonya, implikasi politiknya kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 16, Seksyen 31 perenggan (i) Kematangan sesuatu jenis binatang. Apa takrifnya, dan apa ertinya yang sebenar, kematangan yang dimaksudkan oleh undang-undang dan kematangan ini dalam fasal-fasal lain dibolehkan di tembak, dibolehkan di tangkap, boleh diawet, boleh dijual dan boleh diperniaga, boleh dieksport. Apakah kematangan yang dimaksudkan oleh undang-undang?

Pada faham saya, Tuan Yang di-Pertua, kematangan ini ialah binatang yang sudah tidak berdaya lagi, kalau ianya betina, melahirkan anak dan kalau ianya jantan, tidak mampu lagi ia menjadi seorang bapa yang jagoh dan mungkin ianya berjalan tidak sehebat sewaktu dia muda, maka jadinya matang dalam undang-undang ini. Ertinya dalam undang-undang ini juga ada kelonggarannya iaitu setelah diletakkan suatu kuasa yang sangat tinggi iaitu kepada Menteri yang terlibat. Apabila kuasa ini sudah diserahkan kepada Menteri yang berkenaan maka berkewajipanlah Menteri ini akan membuat sesuatu keputusan, mahu ianya memberi kuasa kepada pegawai dan kakitangan yang dibawahnya untuk melaksanakan ini. Dan yang saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, iaitu kuasa dan permit-permit khas yang terdapat di dalam undang-undang ini.

Permit-permit khas ini kalau difahamkan melalui bahasa yang ada ini ertinya keistimewaan akan diberi. Siapakah golongan ataupun kalangan manusia yang akan diberi keistimewaan melalui lesen dan permit irii? Apakah mereka -orang yang saya sebut tadi di kalangan kaum-kaum Asli yang berada di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak, yang menggunakan sumpitan panah dan lain-lain?

Bukti bahawa undang-undang ini masih kurang lengkap sekalipun disebut 'tali' atau 'plastik', mungkin satu hari nanti benda-benda semacam ini diberi nama yang lain, maka ianya akan tersisih dengan undang-undang.

Saya minta Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memastikan ini, kerana nama-nama sains ini agaknya akan berubah dari satu dekad ke satu dekad yang lain. Mengapa tidak disebut pukut ataupun jaring yang digunakan juga untuk manusia? Tidak kurang hebatnya melalui pukut ataupun jaring kadang-kadang sampai 1,000 ekor burung ini ditangkap.

Kepada orang Islam, burung yang ditangkap ini tidak salah kerana ini Tuhan jadikan untuk makanannya seperti burung punai, sebab alasan yang kita dengar sebelum undang-undang ini diluluskan ura-ura telah ada, mengatakan bahawa Kerajaan tidak perlu mengawal burung-burung ini kerana Kerajaan sendiri tidak memelihara dia, tidak bela dia - ini bukan burung Kerajaan, tetapi ini burung berterbangan - logik ada. Satu bukti kita kena faham pertama sekali Menteri yang berkenaan dan kakitangannya lebih faham tabiat semula jadi burung-burung ini, dia tidak akan berada dalam satu-satu negeri, dia akan berterbangan ke sana ke mari, kadang-kadang dari satu benua ke satu benua yang lain. Hari ini kita mengatakan

bahawa burung punai jenis ini niilik Malaysia, barangkali kepada siapa yang pernah menggembara ke Afrika, ke India, ke Filipina, ke Amerika Selatan umpamanya dia terjumpa burung-burung seperti ini di stamp negeri yang berkenaan atau negara yang berkenaan melambangkan burung ini sebagai kemegahan negaranya bagaimana dengan pemujaan

Hari ini burung merak sudah tidak ada, sudah pupus. Burung merak saya fikir sebilangan penduduk negara ini memakannya, tetapi dia hilang, sudah tidak ada, sudah sungguh-sungguh tidak ada, dan pengkhianatan untuk mengambil bulunya juga saya fikir tidak ada, tidak kedapatan pada sebulan, dua bulan, tiga bulan ataupun satu tahun yang dianggap pemburu-pemburu ini menembak burung-butung merak ini begitu ramai untuk mengambil bulunya dijadikan perhiasan. Saya fikir tidak ada dan kalau ada saya minta Menteri yang berkenaan menjawab pada akhir perbahasan Akta ini, sama ada petang ini ataupun esok dan buktikan berapa bilangan burung merak yang telah dibunuh diambil bulunya untuk dijadikan perhiasan di dalam negara ini, di dalam tempoh 3 atau 5 tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 29 mengapa perangkap ini tidak disebut, buluh dan kayu tidak disebut manakala dawai disebut, tali disebut, rotan disebut, tetapi buluh dan kayu tidak disebut. Dengan sebab itu dari awal lagi saya menyatakan bahawa Akta ini masih perlu ditambah di sana sini, selain daripada membuat satu pertimbangan yang sunggnh-sungguh adil. Kerana kehilangan beberapa ekor burung, saya rasa hendak diberhentikan kerja-kerja penebangan untuk pelaksanaan pembangunan negara berpuluh-puluh ribu ekar kawasan demi kepentingan rakyat. Saya rasa ini tidak logik sama sekali kerana hendak menyelamatkan beberapa ekor kancil yang dagingnya tidak seberat mana, sedangkan kita telahpun ada Taman Negara dan Zoo

kononnya hendak memberhentikan penebangan kayu-kayu balak untuk pembangunan negara.

Saya rasa agak mustahil kalau amalan ini kita mahu buat, kita bukan ke depan caca berfikir tetapi kita ke belakang. Jadi untuk itu sebelum sesuatu dibuat, maka hendaklah sesuatu itu harus dibuat secara bersama. Saya pastikan bahawa sebahagian daripada sesuatu yang dibuat:, saya nampak secara sendiri-sendirian mengikut kemahuan Kementerian-kementerian yang berkenaan, sekalipun ianya telah dibawa ke Kabinet, dibawa ke Dewan Rakyat dan juga dibawa ke Dewan Negara **ini**. Kita tidak mahu tempelak rakyat, yang sekarang ini makin hari makin ramai cerdik, ahli bijak pandai dan tidak kurang yang bebal untuk memahami keadaan yang sebenar, situasi negara pada masa ini dan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal yang lain saya minta Menteri yang berkenaan supaya menyenaraikan jenis-jenis binatang yang sungguh-sungguh dilindungi di dalam negara ini sama ada ianya berkaki empat, berkaki dua, merayap ataupun terbang.

Selain daripada itu wujudnya Undang-undang ini ada lagi manusia-manusia yang seksa batinnya seperti yang disebut oleh saudara Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid mengenai gajah dan ada lagi manusia yang seksa batin iaitu petani. Petani yang menanam padi dan bukan menanam keladi, keladi babi makan, tetapi padi babi tidak makan.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali saya tidak tahu di Sabah dan Sarawak berapa banyak binatang ini ada, tetapi di Semenanjung terutama sekali di kawasan Pantai Timur, oleh kerana saya datang dari

Terengganu dan saya tidak fikir Pahang tidak ada, Kelantan tidak ada. Babi menjadi satu masalah pokok kepada petani-petani kecil, kadang-kadang berebut, petani dapat 14, babi dapat . Ini harus difikirkan kerana menembak babi juga terpaksa diberi lesen dan permit, kepada petani-petani babi ialah musuh yang tidak harus dilindungi. Apakah undang-undang ini melindungi binatang ini?

Sesungguhnya babi tidak ada di dalam bandar Ibu Kota Kuala Lumpur melainkan beberapa ekor rusa yang ada di belakang Dewan ini tetapi dia ada di kawasan luar bandar sehinggakan babi di Terengganu pandai terbang, kan ajaib Tuan Yang di-Pertua.

Saya minta Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar apakah benar cakap saya ini babi di Terengganu pandai terbang, tidak mustahil dan saya tidak bohong di Dewan yang mulia ini sehingga menjadi sulit kepada Pejabat Daerah Dungun dan Pejabat Pertanian Daerah Dungun pada 7, 8 tahun yang lalu bahawa babi ini boleh terbang. Ini juga harus diambil kira kerana babi menggunakan taringnya melompat dan menyangkut di atas pagar terus keluar pagar, apakah ini pernah disiasat oleh pakar-pakar haiwan di dalam Malaysia ini. Kalau kurang yakin dengan keterangan saya ini, saya minta sesiapa yang berhajat, kurung babi, pagarnya biar ditegakkan, lepas itu masukkan anjing ke dalam pagar itu dan insya Allah babi ini akan terbang.

Tuan Yang di-Pertua, bukan cerita itu yang mustahak, yang paling penting ialah ianya telah menjadi musuh kepada petani-petani kecil di kawasan-kawasan luar bandar dan pendalaman.

Tuan Yang di-Pertua, dalam fasal-fasal lain saya berterima kasih sama ada Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah menyediakan tempat bagi mengawal keadaan binatang ini seperti di Kuala Lumpur, di Johor dan sebahagian daripadanya yang saya tahu di Kelantan apakah tidak boleh Kerajaan memberi galakan kepada badan-badan seperti Majlis-majlis Daerah, Kerajaan-kerajaan Negeri

dan orang-orang perseorangan yang berkemahuan bagi menternak seperti rusa, kijang, pelanduk dan lain-lain supaya ia tidak pupus dan kalau berlaku sedikit sebanyak kesilapan yang dibuat oleh saudara-saudara kita yang-berada di dalam hutan maka kita janganlah begitu tergesa-gesa mengambil tindakan menghukum mereka kerana mereka tidak memahami sepenuhnya tentang Undang-undang yang sedang kita buat **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, seLain daripada itu saya berharap Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bekerjasama secara terus menerus dengan Kementerian Penerangan dan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan supaya gambar-gambar burung, binatang yang dikawal didedarkan kepada rakyat, kepada sekolah-sekolah supaya murid-murid dapat mengenali rupanya ini dia binatang-binatang yang disayangi yang dilindungi oleh Undang-undang negara ini.

Jadi hari ini saya tidak nampak yang Kementerian ataupun Kerajaan sendiri dengan cara bersungguh-sungguh memperkenalkan binatang ini kepada rakyat dengan cara brangkali menjadi lumrah Undang-undang begitu ghairah digubalkan dan selepas itu kita akan raenjawab kepada rakyat, ini kamu telah langgar Undang-undang sedangkan kita tidak memberi suatu kefahaman yang tulen kepada mereka supaya ianya tidak akan melanggar segala peraturan-peraturan yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, sepatah kata orang pandai, bukan saya, tidak memadai mengawal manusia ini dengan hanya semata-mata dengan Undang-undang ataupun kekerasan maka ianya perlu dengan kefahaman manusia itu sendiri sehingga dalam hati sanubari akan ada rasa timbang rasa, belas kasihan dan sayang menyayangi hatta kepada

binatang sekali pun sepertimana ayat yang dibaca oleh Yang Berhormat daripada Terengganu tadi, maka Tuhan pun sayang kepada binatang ini saraa dengan manusia maka wajiblah kalau pelihara antara manusia dan binatang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta kalau boleh bahawa Kementerian yang berkenaan mengkaji semula perkataan 'dan' tentang fasal-fasal penalti yang akan dikenakan kepada penyalahgunaan peraturan dan Undang-undang yang dibuat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada niat mahu membela pengkhianat tetapi suatu Undang-undang yang hendak diluluskan, hendak dibuat, hendaklah juga ada perasaan "empathy" antara penggubal Undang-undang dengan orang yang akan menerima pelaksanaan Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, jadi dengan sebab itu sekali lagi saya minta supaya Kementerian ini mengkaji sungguh-sungguh supaya ianya tidak akan menjadi suatu pulangan dan suatu implikasi politik kepada negara ini pada masa-masa akan datang kerana kita tidak sanggup lagi sudah begitu banyak fitnah-fitnah yang telah dilemparkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab melalui surat-surat khabar melalui tulisan-tulisan terhadap para pemimpin di dalam negara kita yang sedang di dalam keadaan sebahagian daripadanya mempunyai dilema yang masih belum selesai.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sebut binatang-binatang ini dibolehkan memberi satu permit apa-apa perraohonan untuk menangkap, mengurung, membiak, menyimpan, mengimport atau mengeksport mana-mana binatang buruan.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Akta ini tentang import tetapi saya tidak setuju tentang eksport kerana kalau diberi peluang ini kerana di dalam Akta ini boleh diberi suatu permit tetapi tidak disebut berapa bilangan binatang yang boleh dieksport. Kalau satu permit satu ekor Alhamdulillah, tetapi satu permit 10,000 ekor maka ini akan menimbulkan masalah yang besar kerana dalam Akta ini tidak disebut bilangan binatang yang dibolehkan ataupun binatang yang dibolehkan dieksport oleh para peniaga.

Di dalam undang-undang ini juga, Tuan Yang di-Pertua, membolehkan seseorang itu memiliki lesen mengawet, melekat, menyediakan binatang-binatang yang boleh dibuat perhiasan sedangkan pada satu peringkat Akta ini sangat ketat. Jadi, ini saya juga harap Kementerian yang berkenaan, terutama Menteri yang terlibat memberi penerangan kepada saya tentang kedudukan fasal-fasal dalam undang-undang, dalam Akta ini. Kalau kelonggaran diberi boleh diberi lesen dan permit mengapa manakala Fasal-fasal 60, 61 dan 62 sehingga berat penaltinya.

Fasal 62 seksyen 97 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "leseiyaya" dalam perenggan (e) perkataan-perkataan "atau permit khasnya" dan; (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "tiga ratus ringgit dan satu bulan" masing-masing dengan perkataan-perkataai. "satu ribu ringgit dan satu tahun". Ertinya, undang-undang ini apabila seseorang melakukan kesalahan jika didapati sabit oleh mahkamah maka ianya tetap dikenakan dua sekaligus denda dan penjara, Ini dalam pengertian saya kerana Akta ini dalam Bahasa Malaysia.

Saya juga minta penerangan "atau" ini telah diubah dengan perkataan "atau". Kerana ada di antara para peguam di dalam Dewan ini pun masih ragu-ragu dan ini berlaku malam tadi di depan mata kepala saya sendiri, was-was, Jadi, dalam perkara lain-lain saya rasa, saya terpaksa duduk kerana ada di antara rakan-rakan saya akan bercakap lagi, cuma saya sekali lagi minta supaya Menteri ataupun Kementerian yang berkenaan ini sesuai dengan namanya Sains, Teknologi dan Alam Sekitar supaya mencari, memelihara binatang-binatang ini, baka-bakanya sama ada hendak dibuat secara pernian beradas atau apa juga supaya ianya tidak pupus, jangan hanya pandai

menyedia dan mengubal undang-undang, kononya untuk mempertahankan, mengelak daripada pemburu memusnahkan binatang-binatang ini sehinggakan ianya tidak ada baka langsung di negara ini.

Jadi, dengan kata-kata itu walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan rasa tidak senang hati [**Ketawa**] terpaksa menyokong [**Ketawa**] Akta ini demi muslihat kepentingan negara dan rakyat sekali iapun bercanggah dengan hati kecil saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom.

6.14 ptg.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Naasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya terima kasih kerana diberi peluang untuk turut sama merabahaskan Akta ini; Saya tidak hendak bercakap panjang kerana telah banyak Ahli-ahli dalam Dewan ini bercakap. Di satu pihak kita hendak melindungi hidupan liar, di satu pihak kita memberi lesen mereka membunuh, menetak, menangkap, menjerat dan sebagainya.

Jadi, kita merasa satu suasana yang seolah-olah kita ini membuat satu keputusan yang hipokret. Satu tempat kita kata hendak tahan hidupan liar ini supaya terus berkembang, membiak dalam negara, tetapi di satu masa kita bagi lesen.

Kalau benar sebagaimana dakwaan seorang Ahli Yang Berhormat tadi sehingga ada 50,000 lesen memburu, kalau satu lesen menembak 10 ekor barapa ratus ribu binatang yang telah terkorban. Jadi, saya ingin bertanya Jabatan Perhilitan atau Kementerian ini, adakah Kementerian bercadang untuk mentiadakan pemburuan di dalam satu-satu masa atau tempoh yang tertentu, lima tahun tidak boleh berburu, napuh lima tahun belum besar, kijang lima tahun belum besar, kancil lima tahun belum besar, ular sawa lima tahun besar, buaya lima tahun menelan orang, buaya Bujang selamat yang ada di Sungai Rajang sampai

sekarang pun tidak dapat ditangkap, Itu Bujang Selamat yang ada di Sungai Linggi pun tldak dapat ditangkap, apatah lagi binatang hidupan liar. Kalau tidak liar panggil Togom bin Janang di Batu Pahat untuk ditangkap. Dia sudah tangkap 40,000 ekor buaya, Tuan Yang di-Pertua.

Yang keduanya, saya minta kepada Kementerian ini supaya memberi surat kuaaa kepada JKK. untuk melapor dahulu, menahan dahulu kemudian melapor kepada pemburu-pemburu yang masuk melalui kampung-kampung dia hendak pergi memburu. Saya pernah tidur di kampung-kampung pendalaman, tengah malam, pagi-pagi pukul 2.00, pukul 3.00 dengar bunyi senapang meletup. Tanya sama orang kampung, apa ini, itu orang berburu. Siapa yang menembak, tidak boleh tembak sesuka hati. Ha! itu yang pakai kereta Jaguar, Mercedes 280, pakai 350, tengok. Ini bukan orang kampung, bukan orang seperti Yang Berhormat Tuan Hassan Nam yang hendak bunuh ini, itu dia seperti kata Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Saya suka juga menyentuh mengenai dengan penalti-penalti yang dikenakan di akhir Akta ini, denda \$5,000 dan dua tahun. Ini kepada orang kecil dikenakan denda dan penjara tetapi yang di atas tadi \$15,000 atau. Mengapa kepada orang yang pakai 280, pakai kereta besar-besar ada "atau" tetapi yang pakai jerat "dan" ini tidak patut [Ketawa] . Jadi, kerana orang kecil dua-dua fine pun kena, penjara pun kena. Ini definisi Bahasa Malaysia, apabila "dan" maknanya dua-dua walaupun jail satu hari atau denda \$50 kalau tangkap burung wak-wak. Ini saya dengar burung wak-wak itu dilindungi. Jadi, orang kampung, budak kampung main-main di parit, dia tertangkap anak burung wak-wak, kemudian dia bela bawah rumah, letak dekat kerobong ayam, lalulah Pegawai Mergastua, Pegawai Hidupan Liar., tangkap. Kena \$50 patutnya, "dan", jadi budak itu

kena \$50 dan satu hari penjara - tidak patut, satu ekor wak-wak. Yang bunuh rusa, berataya 4 pikul dekat Pulau Carey tidak ada apa-apa, fasal kerana dia BMW siri 7.

Kemudian saya ingin tahu sejak kita mengadakan undang-undang ini beberapa banyak orang-orang yang telah melanggar berburu ini ditahan, ditangkap dan didenda dan beberapa banyak denda kita sudah dapat, ini saya minta penjelasan. Kalau kita ada undang-undang tetapi tidak tangkap orang pun buat apa **[Ketawa]** . Orang bawa ayam hutan; saya pergi ke Kulai - FELDA, ada orang FELDA bawa ayam hutan satu ekor dikejarnya sampaikan tayar motosikalnya tercabut. Keadaan semacam ini kita geiak-ketawa tetapi kita kena betulkan.

Kemudian, adakah Jabatan Perhilitan ini sedar bahawa gagak yang beristanakan bandar di Raja Kelang itu sekarang sudah beristana sampai ke Morib, sampai ke mana-mana tetapi ini tidak habis-habis, pakai tape recorder pun tidak habis, ada peraduan tembak pun tidak habis, patut jabatan ini utamakan. Sebab gagal sekarang mengintai orang tidur **[Ketawa]** . Kalau Ahli-ahi Yang Berhormat duduk di kawasan saya, gagak sekarang ini mengintai orang tidur, kita tidur tengah hari dia hinggap dekat aerial TV kita, kemudian dia turun dekat kisi-kisi tingkap kita, dia mengintai, "ongak - ongak" katanya **[Ketawa]** . Ini binatang yang tidak perlu dilindungi, hidupan liar gagak **ini**, tetapi kenapa tidak habis-habis. Ini masalah yang kecil-kecil burung wak-wak tadi kita hendak jaga.

Kemudian, yang ketiganya saya minta- supaya Jabatan ini menentukan had kawasan berburu. Tadi saya minta supaya tidak ada lesen memburu. Islam menentukan waktu haram memburu. Kalau kita di dalam ihratn, haratn membunuh, haram, berburu. Sekarang saya minta undang-undang Malaysia ini mengambil sedikit penerapan undang-undang Islam, haram berburu selama 5 tahun. Haramkan orang yang ada lesen itu haram berburu. Ini ada bulan September, bulan Julai, bulan November boleh tembak, saya tak mahu langsung. Kalau bolehlah saya merayu dalam Dewan **ini**, kalau tidak, inilah dia - "denda dan", yang besar-besar "denda atau". Tni tak betul.

Kemudian, kalau tak boleh diadakan tahun tidak berburu, adakan kawasan terhad boleh memburu, jangan mana hutan boleh masuk. Ini masalah macam-macam cerita, tertembak kawan, sudah macam-macam cerita. Di Kuala Langat sekarang sudah tidak ada napuh, tak ada kancil. Dahulu orang berburu sesuka hati daripada Banting dia naik Loko kayu balak sampai ke dalam hutan dia tembaklah kancil, napuh sesuka hati, sekarang satu ekor sudah tak ada lagi. Jadi undang-undang ini tak berjalan di Kuala Langat, di tempat saya tak berjalan, tetapi apabila burung wak-wak, dia berjalan di situ.

Yang keempatnya, saya minta supaya Jabatan PERHILITAN ini memikirkan di dalam satu Konvensyen UMNO Selangor meluluskan satu keputusan supaya diadakan ternakan rusa secara besar-besaran. Ini satu bahan yang paling baik, yang mudah biak. Tengok di kawasan Parlimen daripada 5 ekor sudah jadi berpuluh-puluh ekor. Jadi ini satu perkara yang baik, kita pun kurang daging, barangkali kalau kita banyak daging rusa, rakyat kita akan makan daging rusa - panas, dia boleh lompat macam rusa juga [Ketawa]. Bukan masalah tanduk

rusa - bukan, masalahnya bahawa haiwan rusah ini dia boleh cepat membiak, jadi cuba diadakan. Kalau kita boleh jinakkan di antara seladang dengan kerbau hingga seladang dengan lembu dinamakan 'selembu'-, sekarang tentu senang-senang kita ada baka rusa, kita boleh biakkan dalam satu kawasan sama ada Taman Negara, di mana-mana, ini diharamkan usik rusa itu selama tempoh 7 tahun sebab 7 tahun baru daging dia pejal, baru tanduk dia cabang 3 atau 4 atau 5. Kalau baru 2 tahun daging dia hanyir lagi, itupun orang Cembak juga, pemburu-peraburu tak kira, daging hanyir lagi sedap kata **dia**, pemburu haiwan ini.

Itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak cakap panjang-panjang. Saya minta, saya ulang lagi, supaya ditiadakan lesen menemburu untuk beberapa tahun, haramkan memburu, kalau binatang kita hendak biak, kalau ternakan yang ada di hutan rimba kita itu hendak biak. Ini baru hendak biak setahun, baru beranak, baru menyusui, bulan September ada lesen, sudah tertembak emaknya, anaknya hendak menghisap apa? Macam mana hendak biak?

Kemudian, adakan kawasan yang terhad untuk berburu, kalau tak boleh tetapi seboleh-bolehnya cubalah buat, kita buat undang-undang, kenapa kita kata tak boleh? Saya rasa, saya kata boleh diadakan satu peraturan bahawa daripada tahun 1988 sehingga tahun 1993 tidak ada permit memburu dikeluarkan.

Sekian, teriraa kasih, saya menyokong Akta ini.

#### **6.24 ptg.**

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun adalah untuk bersama-sama membahas dan menyokong Rang Undang-undang yang dibentang oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Sains,

Teknologi dan Alam Sekitar semalam yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 dan Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) 1987.

Saya rasa tujuan Akta ini dibentangkan di antaranya adalah untuk mengeraaskinikan perkataan-perkataan yang sesuai digunakan bagi fungsi Jabatan-jabatan yang berkenaan dan juga terdapat di antara beberapa Fasal dan Seksyen dipinda. Saya rasa ini adalah dengan bertujuan untuk memberi kuasa yang lebih luas kepada Pihak Berkuasa Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara dan menaikkan segala denda-denda yang lebih tinggi dari dahulu kepada sesiapa yang bersalah melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan demi untuk menyelamatkan dan melindungi binatang-binatang hidupan liar yang ke arah semakin pupus kalau sekiranya tidak diawasi daripada sekarang, terutama sekali kepada pemburu-pemburu yang suka memburu menggunakan senapang patah atau 'shotguo' ini mereka gunakan peluru penabur yang halus untuk membunuh burung ini dengan satu das letupannya akan mengakibatkan berpuluh~puiuh ekor burung mati dan kadang-kadang binatang-binatang yang ditembak ini bukanlah untuk tujuan dimakan, tetapi sebagai hobinya sahaja untuk menembak dan sudah sepatutnyalah Akta ini diperketatkan lagi derai untuk tnenjaga dan menyelamatkan segala jenis binatang dari teraniaya oleh manusia yang tidak bertanggungjawab di hutan rimba di negara ini dengan tujuan binatang hidupan liar ini jangan pupus sehingga pada masa untuk generasi kita akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh kita tidak mahu kepada generasi-generasi kita akan datang mereka hanya akan dapat melihat dan mengetahui nama binatang-binatang hidupan liar di negara ini

pada gambar-gambar secara melihat di buku-buku bacaan di sekolah-sekolah dan yang ada dipamerkan di muzium-muzium berupa rangka binatang yang tidak bernyawa pula oleh kerana kepupusan, kerana kita tidak jaga daripada sekarang, terutamanya kepada binatang-binatang yang kurang mahu membiak seperti gajah, badak, rusa, seladang, beruang, harimau dan juga beberapa jenis burung. Tetapi yang sebenarnya yang banyak boleh menjahanamkan ke arah kepupusan hidupan binatang liar ini ialah disebabkan berlaku pencemaran di tempat-tempat binatang-binatang ini di hutan-hutan tebal seperti pelaksanaan projek besar-besaran pembangunan negara ini, iaitu seperti projek kawasan luas Empangan Temenggor di Perak, projek Empangan Kenyir di Terengganu dan juga pencemaran yang lebih ketara kepada binatang-binatang hidupan liar ini ialah dari satu masalah punca pembukaan penebangan ladang besar oleh agensi-agensi pembangunan tanah yang melibatkan kawasan hutan tebal di pendalaman di mana tempat berlindung binatang-binatang ini banyak membiak, contohnya di kawasan hutan Pahang Tenggara yang sedang pesat membangun sekarang. Binatang ini terkepong atau terperangkap di kawasan tebanan di ladang-ladang yang besar-besaran itu. Yang menyedihkan sangat dan terharu nasib binatang-binatang ini ialah masa tiba membakar ladang yang kawasan luas melibatkan beratus-ratus ekar sekali dibakar, masa itulah segala jenis binatang yang ada terperangkap di kawasan ladang yang dibakar itu dan beribu-ribu jenis binatang hidupan liar terkorban, kalau dapat dikira dari kecil besarnya yang tidak dapat saya sebutkan namanya jenis binatang-binatang ini satu persatu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya sependapat dengan kawan lain, iaitu masalah alat-alat tangkapan tradisional yang digunakan oleh orang luar bandar ini iaitu seperti jerat, perangkap, belantik, ranjau yang memang ini kegunaan orang-orang di luar bandar, termasuklah masyarakat Orang Asli. Kalau mengikut undang-undang ini kita didapati salah, jadi kita harap.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa macam? Kita mahu sambung mesyuarat ini atau ditangguhkan? Tinggal esok sahaja. Jadi, sudah habis Yang Berhormat? Kalau tidak, boleh sambung semula esok lagi.

**Tuao Hassan bin Nam:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, mesyuarat ini ditangguhkan sekarang sampai esok, jam 3.00 petang.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**

**[Jawapan bagi Pertanyaan No. 20 hingga 23  
adalah diberi di bawah ini].**

**LADANG MENYEDIAKAN KEMUDAHAN ASAS**

20. **Tuan M, Sangaralingam** rainta Menteri Buruh menyatakan berapakah jumlah ladang-ladang di Malaysia yang terdapat di bawah had minima kemudahan-kemudahan asas.

**Timbalan Menteri Buruh [Tuan Kalakau Untol]:** Kementerian Buruh tidak menyimpan maklumat mengenai jumlah ladang-ladang yang menyediakan kemudahan-kemudahan asas di bawah had minima seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun di bawah Akta (Piawai Minima Perumahan) Pekerja 1966 yang dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia, ladang-ladang yang menyediakan kemudahan perumahan percuma untuk pekerja-pekerjanya, adalah juga dikehendaki membekalkan air yang bersih untuk kegunaan mereka. Dalam hubungan **ini**, dari satu tinjauan yang telah dijalankan oleh Kementerian Buruh, didapati hampir kesemua ladang-ladang yang diliputi oleh tinjauan itu adalah melebihi paras minima kemudahan-kemudahan asas.

**TAMBAR KEDUA JOHOR - SINGAPURA**

21. **Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah sebarang rancangan untuk membina sebuah jalan tambak (causeway) atau jambatan atau tembusan antara Pontian di Johor dan Jurong di Singapura.

**Tuan Luhut Wan:** Kerajaan memang telah mengadakan rancangaa untuk pembinaan tambak kedua antara Johor dengan Singapura sejak tahun 1981 lagi. Walau bagaimanapun, setakat ini projek tersebut belum dicadang untuk dilaksanakan.

**PROJEK JALAN TAMBUNAH-KKINGAU**

22. **Tuan R.M. Jasni** minta Menteri Kerjaraya menerangkan sama ada Kementeriannya berpuashati dengan kemajuan kerja mengaspal jalan Tambunan - Keningau sejauh 27 batu itu. Dan adakah bahan-bahan batu yang digunakan memenuhi syarat seperti yang tersebut di dalam spesifikasi. Sekiranya pihak pemborong gagal menyiapkan kerja mengaspal jalan tersebut di dalam tempoh yang ditetapkan, adakah Kerajaan bertindak tegas, supaya penduduk pendalaman dapat menikmati jalan yang baik.

**Tuan Luhut Wan:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar -serta sentiasa mengawasi kemajuan kerja bagi projek jalan Tambunan - Keningau yang sedang berjalan itu. Projek tersebut adalah lewat sedikit dari kemajuan yang patut dicapai tetapi kontraktor telah diberi ingatan supaya kemajuan selanjutnya dipertingkatkan.

Sebagaimana menurut syarat kontrak, kegagalan untuk menyiapkan kontrak dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan kontraktor dikenakan tindakan serta denda menurut perjanjian yang telah dibuat. Kerajaan akan bertindak tegas mengenai perkara ini.

Mengenai batu-batan yang digunakan, ianya adalah sentiasa dibuat ujian oleh Kerajaan bagi menentukan ianya adalah daripada kualiti yang ditentukan dalam spesifikasi kontrak.

**PENGANGKUTAN AWAM DI WILAYAH PERSEKUTUAN**

23. **Dato' Dr. K.S. Nijhar** minta Perdana Menteri menyatakan tahap kemajuan kepada rancangan Sistem Pengangkutan Awam yang telah diumumkan untuk Wilayah Persekutuan baru-baru ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Terdapat tiga sistem pengangkutan awam yang dicadangkan bagi Wilayah Persekutuan iaitu Sistem Transit Laju Ringan **Rel**, Aerobus dan Metrolink. Semua langkah perancangan dan penyediaan kajian teknik telah siap bagi fasa 1 bagi ketiga-tiga sistem ini. Namun demikian pelaksanaan ketiga-tiga sistem pengangkutan awam ini adalah bergantung kepada kedudukan kewangan dan kemampuan pemaju-pemaju yang terlibat dalam projek **ini**.

